



UCAPAN BAJET NEGERI TAHUN 2020

OLEH

Y.A.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL

KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH

DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI

PADA

15 NOVEMBER 2019 (JUMAAT)

BERSAMAAN 18 RABIULAWAL 1441H

“MERANCAKKAN PEMBANGUNAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT”

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Datuk Speaker,

1. Dengan segala hormat dan takzimnya, saya mohon izin membentangkan Bajet Negeri Sabah Tahun 2020 untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.

MUKADIMAH

Datuk Speaker,

2. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil Alamin, Wabihi Nastai'n. Diiringi Selawat serta Salam ke atas junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, saya merafakan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwa Taala, kerana dengan izin dan kurnia-Nya jua, dapat kita sama-sama bersidang pada hari ini mencari muafakat ke atas Bajet Negeri Sabah Tahun 2020.

3. Bajet ini adalah yang kedua bagi Kerajaan Negeri baharu sejak mengambil alih tanggungjawab ke atas pentadbiran Negeri Sabah pada pertengahan tahun lalu. Ini juga menandakan usia pentadbiran Kerajaan Negeri yang baru sahaja memasuki tahun kedua. Saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kesemua Anggota Pentadbiran, para Penjawat Awam, Badan-Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan rakyat keseluruhannya di atas keyakinan dan sokongan yang diberikan kepada *Warisan Led*

Government di dalam mencorak dan mentransformasikan pengurusan serta halatuju masa hadapan pembangunan Negeri Sabah ke arah lebih telus, efisien, tinggi dan mampan.

PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI

Datuk Speaker,

4. Dalam tempoh yang singkat itu, Kerajaan Negeri hari ini telah berusaha melakukan yang terbaik. Walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran dan kekangan, namun Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai pembaharuan dan inisiatif penambahbaikan. Jika diamati, dalam tempoh satu tahun empat bulan sahaja, Kerajaan hari ini telahpun melaksanakan berbagai perubahan serta penambahbaikan dalam pentadbiran dan pengurusan kewangan negeri. Pembaharuan tersebut membawa banyak kebaikan serta manfaat kepada rakyat, termasuk memperkukuhkan asas-asas keupayaan Negeri Sabah untuk terus bergerak pantas dan maju ke hadapan. Antara yang utama ialah:-

5. **PERTAMA:** Menunaikan janji manifesto untuk mewujudkan tiga kementerian baharu iaitu Kementerian Pelajaran dan Inovasi; Kementerian Undang-undang dan Hal-Ehwal Anak Negeri; serta Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat yang menjadi jentera dan *platform* baharu kepada Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat memperkasa modal insan; menjaga kepentingan hak-hak Anak Negeri; dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Sabah.

6. **KEDUA:** Kerajaan hari ini juga telah memberi lonjakan kepada usaha memperkasakan modal insan sebagai satu daripada aset terpenting dan utama dalam membangunkan Negeri Sabah. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM52.0 juta** di bawah Kementerian Pelajaran dan Inovasi yang baru ditubuhkan itu untuk program Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajar Negeri. Peruntukan ini melibatkan kenaikan signifikan sebanyak **67.5 peratus** berbanding hanya **RM40.6 juta** pada tahun 2018 di bawah bajet Kerajaan Negeri terdahulu. Setakat bulan Oktober 2019, sebanyak **RM42.93 juta** daripada jumlah tersebut telah dibelanjakan di bawah Biasiswa Kerajaan Negeri untuk membantu **5,279 pelajar**, termasuk menaja **20 orang pelajar** di berbagai institusi pengajian tinggi luar negara. Baki peruntukan akan digunakan untuk membiayai pemberian biasiswa dan bantuan kepada pelajar yang sedang diproses ketika ini.

7. **KETIGA:** Selaras dengan penubuhan Kementerian Undang-undang dan Hal-Ehwal Anak Negeri serta manifesto untuk menjamin pemilikan tanah adat oleh Anak Negeri di Sabah, Kerajaan hari ini juga telah memansuhkan dasar tanah Geran Komunal. Pemansuhan ini bertujuan untuk menangani isu ketidakpuasan hati dalam kalangan benifisari dan menambahbaik pemberian hak milik tanah kepada Anak Negeri Sabah. Setakat bulan Oktober 2019, sebanyak **48 geran komunal** telah dibatalkan di seluruh Sabah melibatkan **82 kampung** dan tanah seluas **51,169 ekar**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **829 geran** individu melibatkan **16 buah kampung** dan tanah seluas **9,968.28 ekar** di daerah Keningau dan Tambunan telah disediakan. Geran-geran individu yang telah disediakan itu akan diserahkan kepada Anak Negeri mengikut daerah-daerah yang terlibat kelak.

8. Kerajaan Negeri juga telah dan akan terus menunaikan janji menyerahkan tanah kepada Anak Negeri yang telah membuat permohonan sejak sekian lama atau berpuluh tahun. Dalam tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri telah menyerahkan **933 geran** tanah berstatus *Native Title (NT)* di tiga buah daerah. Ini terbahagi kepada **60 geran** NT di **lima buah** kampung di daerah Tongod; **339 geran** NT di **tujuh buah** kampung di Tambunan; dan baki selebihnya sebanyak **534 geran** NT melibatkan **66 buah** kampung di Semporna.

9. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga amat prihatin ke atas kesejahteraan hidup penduduk-penduduk kampung yang sudah lama wujud dan bertapak dalam kawasan-kawasan hutan simpan di Sabah. Kedudukan kampung-kampung tersebut yang terletak dalam kawasan hutan simpan menyukarkan Kerajaan untuk menyalurkan bantuan serta membangun dan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur fizikal dan asas dalam usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk di kampung-kampung terbabit. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan membentangkan Rang Undang-Undang dalam Persidangan DUN kali ini untuk mengeluarkan atau membubarkan sebahagian daripada **24 kawasan** hutan simpan yang terdiri daripada pelbagai kelas dengan keluasan **1,637.56 hektar** bagi tujuan perkampungan penduduk setempat. Kawasan yang akan dikeluarkan itu melibatkan **90 buah** kampung, sekitar **3,800 buah rumah** dan **20,000 orang** penduduk di daerah-daerah Kudat; Pitas; Kota Belud; Tamparuli; Tuaran; Kota Kinabalu; Tenom; Beluran; Sandakan; Lahad Datu; Kunak; Tawau; dan Semporna. Ini akan membolehkan kampung-kampung berkenaan digazet di bawah Ordinan Tanah sebagai kawasan perkampungan yang sah. Pembubaran kawasan tersebut hanyalah melibatkan **0.05 peratus** daripada jumlah keseluruhan

hutan simpan Negeri Sabah. Maka, pembubaran ini tidak akan mengakibatkan perubahan signifikan ke atas jumlah keluasan kawasan hutan simpan sedia ada.

10. **KEEMPAT:** Membekukan pengeluaran lesen membalak dan mengharamkan pengeksportan kayu balak bagi menggalakkan industri pembuatan perabot di Sabah; menyediakan peluang-peluang pekerjaan baharu kepada rakyat dan mencapai matlamat melindungi alam sekitar. Tinjauan Kerajaan menunjukkan bahawa bekalan bahan mentah kayu di kilang-kilang pengeluar papan lapis (*plywood*) dan kayu bergergaji tempatan telah bertambah baik. Perkembangan ini juga telah membawa peningkatan signifikan dalam pengambilan pekerja tempatan. Seseengah kilang merekodkan pengambilan sekitar **15 peratus** jumlah tenaga kerja daripada lepasan sekolah-sekolah teknikal, vokasional dan *tertiary* di Sabah.

11. Kilang-kilang perabot sedia ada di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP) juga kini boleh menarik nafas lega kerana mampu beroperasi pada kapasiti dan guna tenaga kerja maksimum. Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga telah berjaya menarik beberapa pelaburan swasta dalam industri perabot di Sabah. Contohnya, projek kilang perabot di daerah Kudat dan Kimanis Papar. Projek di Kudat ini melibatkan syarikat tempatan, Kilang Papan KK Assan yang akan berkolaborasi dengan Syarikat Fujian Anxi Jufeng Handicraft daripada negara China untuk mengeluarkan perabot berasaskan kayu Acacia yang bekalannya banyak di Wilayah Utara Sabah. Manakala, projek di Kimanis melibatkan pelaburan oleh Syarikat Lamitech International Sdn. Bhd. berjumlah sekitar **RM30.0 juta**. Syarikat ini kini mampu mengeluarkan produk kayu

bernilai ditambah seperti *scantling – solid; limited or finger-jointed; decorative timber; moulded products and briquettes*, ekoran bekalan bahan mentah kayu balak yang lebih stabil dan terjamin.

12. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kerajaan Negeri juga dalam proses menyediakan *Sabah Timber Industry Master Plan*. Pelan tersebut akan memberikan panduan dan halatuju kepada Kerajaan di dalam membangunkan industri perkayuan di negeri ini daripada peringkat hulu hinggalah kepada aktiviti hiliran.

13. **KELIMA:** Memberikan tumpuan dan melibatkan diri secara aktif dalam perundingan dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan hak-hak Sabah sebagaimana dipersetujui dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Kerajaan Negeri masih jauh daripada merasa puas hati dengan perkembangan setakat ini. Namun, keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan kadar Pemberian Khas tahunan kepada Kerajaan Negeri secara berperingkat daripada **RM26.7 juta** pada ketika ini kepada **RM53.4 juta** pada tahun 2020, dan seterusnya **RM106.8 juta** dalam tempoh **5** tahun, merupakan indikasi bahawa perundingan tersebut telah mula membuahkan hasil. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerima kadar baharu tersebut. Namun pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah dan akan terus mengemukakan rayuan supaya kadar berkenaan dinaikkan kepada jumlah yang lebih tinggi, memandangkan kadar tersebut belum pernah disemak sejak tahun 1969 iaitu 50 tahun lalu.

Datuk Speaker,

14. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan telah diletakkan di bawah kawal selia Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) sejak tahun 2003 iaitu **16 tahun** lalu. Selaras dengan semangat untuk memperjuangkan MA63, Kerajaan Negeri pada awal bulan September, 2019 baru-baru ini telah berjaya mendapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan supaya pentadbiran dan pengurusan kedua-dua pulau tersebut dikembalikan kepada Sabah. Manakala, kawal-seliaan ke atas aspek keselamatan terus kekal di bawah Kerajaan Persekutuan.

15. **KEENAM:** Menghentikan amalan menyambung perkhidmatan pegawai yang sudah bersara dan menambah jumlah pegawai serta kakitangan dalam Perkhidmatan Awam ke tahap mencukupi dan optima. Ketika mengambil alih pentadbiran, terdapat banyak rungutan daripada penjawat awam tentang beban kerja yang berat ekoran banyak kekosongan jawatan tidak diisi semasa pemerintahan Kerajaan Negeri terdahulu. Selain itu, terdapat juga rasa tidak puas hati dalam kalangan penjawat awam ekoran amalan menyambung perkhidmatan pegawai-pegawai yang sudah bersara kerana ini menghalang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai pelapis. Maka, bagi menangani isu-isu tersebut dan selaras dengan hasrat untuk mempercepat serta meningkatkan kualiti sistem penyampaian, Kerajaan Negeri hari ini telah menarik balik dasar pembekuan pengisian jawatan bermula bulan Mei 2019.

16. Berikutan langkah tersebut, Kerajaan Negeri telah mengisikan kekosongan jawatan sedia ada yang tidak diisi sebelum ini, termasuk mewujudkan jawatan baharu untuk bidang-bidang kritikal. Dalam tahun 2018 sehingga 30 September tahun ini sahaja, sebanyak **958 jawatan** baharu pelbagai gred Perkhidmatan Awam Negeri telah diwujudkan. Manakala dari segi pengisian, sebanyak **685 jawatan** daripada kekosongan sedia ada dan jawatan baharu telahpun diisi dalam tempoh Jun 2018 sehingga 30 September 2019. Kesemua ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang cekap dan cepat kepada rakyat, termasuk para pelabur dan masyarakat perniagaan ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi negeri. Langkah ini juga sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah, termasuk di Sektor Awam Negeri. Oleh itu, langkah ini juga turut membantu mengurangkan pengangguran, khususnya dalam kalangan graduan daripada Sabah.

17. **KETUJUH:** Menyemak dan menambahbaik proses serta prosedur-prosedur urusan dalam pelbagai bidang bagi mengurangkan karenah birokrasi dan mempercepatkan kelulusan-kelulusan untuk menjalankan perusahaan dan perniagaan. Salah satu yang utama ialah keputusan Kerajaan Negeri supaya Lembaga Pusat Perancang Bandar dan Desa (*Central Board*) dimansuhkan dan digantikan dengan entiti baharu iaitu Majlis Perancang Negeri (MPN) atau *State Planning Council (SPC)*. MPN ini akan berperanan sebagai penggubal polisi-polisi perancangan di peringkat tinggi bagi pembangunan fizikal Negeri Sabah. Dalam hubungan ini, penurunan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan dibuat bagi membolehkannya mempertimbang dan meluluskan *DP* melalui Pusat Hentian Setempat (PHS) yang akan diwujudkan di **enam**

zon. Keputusan tersebut bertujuan mempercepat kelulusan DP kepada pemaju tanpa menjejaskan kualiti projek pembangunan serta menangani masalah “*bottle neck*” dan isu-isu kelewatan yang boleh mengakibatkan kehilangan pelaburan.

18. Melalui pendekatan baharu ini, PBT akan berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, dalam mana semua kuasa memproses dan meluluskan pelan-pelan pembangunan akan dilaksanakan tanpa perlu merujuk kepada MPN, sekiranya semua permohonan yang dikemukakan selaras dengan dasar-dasar kerajaan yang berkuatkuasa. Ini juga bermakna proses kelulusan DP akan dapat disingkatkan mengikut kaedah yang menekankan “Pematuhan Sendiri” (*Self Compliance*) oleh pihak pemaju dan perunding.

19. Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, seseorang pemohon boleh mengemukakan permohonan kepada pihak PBT, yang akan seterusnya memanjangkannya kepada PHS untuk tindakan lanjut. Jika permohonan itu teratur, pusat tersebut akan mengeluarkan surat “kelulusan bersyarat” dalam tempoh **24 jam** waktu kerja. Pemohon dikehendaki berhubung terus ke jabatan-jabatan teknikal Negeri dan Persekutuan dalam tempoh **3 hingga 6 bulan** untuk mendapatkan ulasan teknikal dan seterusnya mematuhi keperluan teknikal berkenaan melalui kaedah “*self compliance*”. Sekiranya dalam tempoh berkenaan, PHS masih belum menerima DP yang lengkap dan teratur, maka surat peringatan akan diberikan kepada pemohon. Jika dalam tempoh **6 bulan** atau sehingga **satu tahun** (bergantung kepada saiz projek) maklum balas daripada pemohon tidak diterima, maka kelulusan bersyarat yang telah diberikan akan terbatal serta merta. Manakala bagi DP yang telah lengkap

dan mengambilkira keperluan teknikal agensi Negeri dan Persekutuan, akan dipanjangkan semula ke PHS untuk tujuan kelulusan muktamad pusat tersebut yang bermesyuarat sekali setiap bulan atau bila-bila masa jika ada keperluan.

20. **KELAPAN:** Memperkenal dan menetapkan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator (KPI)* untuk tempoh 5 tahun merangkumi 10 Bidang Keberhasilan Negeri selaras dengan hasrat dan aspirasi 13 teras manifesto Kerajaan Negeri hari ini. Antara lainnya, termasuklah matlamat untuk menegak dan memperkasa hak-hak asasi rakyat dan negeri Sabah; melindungi, memulihara dan memanfaatkan alam semulajadi; dan membangun serta memberi ruang kepada penglibatan golongan belia dan wanita dalam berbagai sektor.

21. Dalam hal ini, KPI memetakan fokus, sasaran serta halatuju kesemua kementerian, jabatan, agensi dan jentera Kerajaan Negeri keseluruhannya di dalam memastikan supaya program-program yang dilaksanakan benar-benar memenuhi keperluan dan kehendak rakyat, di samping menjadi tali pengukur kepada pencapaian prestasi pihak-pihak yang bertanggungjawab. Prestasi dan pencapaian KPI kesemua Menteri dan kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya diukur dan dipantau dengan rapi oleh Unit Penyampaian Perkhidmatan, Jabatan Ketua Menteri yang telah ditubuhkan bagi memastikan KPI yang disasarkan dapat dicapai. Antara lain contoh kepada pencapaian KPI yang ditetapkan termasuklah kejayaan mendapatkan persetujuan Kerajaan Persekutuan supaya hak pemilikan ke atas Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dikembalikan kepada Kerajaan Negeri; dan mendapatkan kepercayaan pihak yang sama supaya projek-projek Lebu Raya Pan Borneo yang

sebelum ini dilaksanakan melalui Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah menggunakan kepakaran teknikal sedia ada secara konvensional.

22. **KESEMBILAN:** Menyemak semula beberapa projek kritikal dan strategik kepada Sabah, bertujuan mengukuhkan pengurusan sumber kewangan Kerajaan dan memastikan faedahnya benar-benar dinikmati oleh rakyat secara optimum. Satu daripadanya ialah tindakan menamatkan kontrak *outsourc*e pengurusan loji air di seluruh Sabah. Penamatan kontrak, pengambilalihan operasi dan pengurusan **58 buah loji rawatan air** oleh Jabatan Air Negeri Sabah telah menjimatkan perbelanjaan sekitar **RM120.0 juta** setahun kepada Kerajaan Negeri.

Datuk Speaker,

23. **KESEPULUH:** Dari segi ekonomi, Kerajaan Negeri telah membuat penajaran semula (*realignment*) supaya dasar pembangunan negeri berada di landasan yang betul. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada sektor perindustrian, khususnya pembuatan sebagai pemangkin dan “**engine of growth**”, di samping memberi penekanan kepada sektor-sektor produktif utama yang lain seperti pertanian dan pelancongan. Usaha-usaha yang telah dimulakan ini, akan diteruskan dan diberi penekanan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), 2021-2025. Ini bertujuan mempercepatkan lagi perubahan struktur ekonomi Sabah kepada sebuah negeri berasaskan perindustrian.

24. Langkah ini penting kerana Sabah begitu kaya dengan berbagai sumber seperti komoditi kelapa sawit; kayu balak; gas dan minyak

petroleum, termasuk khazanah semulajadi yang boleh dimanfaatkan dan dimajukan untuk faedah rakyat. Setelah lebih **50 tahun** berlalu dan melalui sebelas Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia, aktiviti hiliran untuk menambah nilai hasil-hasil keluaran negeri masih lagi berada di tahap yang rendah. Ini menjadi satu daripada faktor utama yang melambatkan pertumbuhan ekonomi dan menyebabkan Sabah ketinggalan jauh dari segi pembangunan sejak sekian lama.

25. Namun begitu, sumber-sumber negeri perlu diterokai dan dimanfaatkan secara bertanggungjawab dan lestari, supaya mampu menjana pendapatan serta kekayaan secara berkekalan dan turut dinikmati oleh generasi akan datang. Penekanan Kerajaan Negeri kepada sektor perindustrian akan menumpu kepada ***“clean and enviromental friendly industries”***. Ini amat penting, supaya jangan sampai keghairahan kita untuk mengejar kekayaan dan kemajuan akan memusnahkan pula alam dan persekitaran semulajadi bumi yang kita diami ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri juga akan terus menekankan perlindungan kepada alam sekitar; pembangunan modal insan; dan penyediaan kemudahan infrastruktur serta prasarana asas berkualiti tinggi untuk menyokong sektor-sektor pertumbuhan supaya berkembang positif secara mampan dan berdaya saing.

Datuk Speaker,

26. Sebagai tambahan saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga mampu dan akan menyelesaikan sepenuhnya hutang dalam bentuk bon berjumlah **RM1.0 bilion** secara ***“one bullet payment”*** pada penghujung tahun 2019 ini. In sha Allah. Di samping itu, *RAM Ratings*

telah menilai dan mengekalkan kedudukan *Triple A* (AAA/Stable) negeri Sabah sehingga ke hari ini. Di samping itu, kita juga berjaya mengekalkan sijil bersih ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2018. Kejayaan melunaskan pinjaman, pengiktirafan dan penarafan tersebut mencerminkan serta membuktikan pengurusan fiskal Kerajaan Negeri yang baik dan berhemat.

27. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Sabah juga sedang membuat persediaan rapi untuk melaksanakan Sistem Perakaunan Akruan bermula pada tahun 2022. Kerajaan Negeri telah dan akan meneruskan latihan untuk melengkapkan anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dengan pengetahuan dan kemahiran ke arah merealisasikan **Pelan Pelaksanaan Perakaunan Akruan** berkenaan. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang akan melaksanakan asas Perakaunan Akruan mulai tahun 2021, yang bertujuan mentransformasikan halatuju perkhidmatan perakaunan dan kewangan dalam negara secara keseluruhannya.

Hubungan Dengan Kerajaan Persekutuan

28. Kerajaan Negeri mengambil perhatian bahawa baru-baru ini Kerajaan Persekutuan telah menyusun semula keutamaan dan melancarkan kerangka halatuju pembangunan negara untuk tempoh sepuluh tahun akan datang daripada tahun 2021 sehingga 2030. Kerangka dasar tersebut yang dikenali, **Wawasan Kemakmuran Bersama, 2030** bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan serta diiringi pengagihan kekayaan negara yang adil dan inklusif. Kita berharap, visi tersebut akan

memberi sokongan dari segi dasar dan suntikan semangat baharu kepada semua bentuk kerjasama serta perundingan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini khususnya dari aspek pembahagian hasil-hasil selaras MA63 dan agihan peruntukan pembangunan yang lebih adil serta saksama kepada Sabah dalam tempoh rancangan yang sama.

Datuk Speaker,

29. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih di atas perancangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk mempercepatkan lagi pembangunan di Sabah seperti digariskan di bawah Kajian Separuh Penggal, RMK11. Hubungan baik antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan dalam era Malaysia baharu ini juga telah diterjemahkan melalui peningkatan jumlah peruntukan kewangan kepada Sabah. Jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah telah meningkat daripada hanya **RM4.1 bilion** pada tahun 2018 semasa di bawah Kerajaan Barisan Nasional, kepada **RM5.0 bilion** pada tahun 2019 dan seterusnya **RM5.1 bilion** pada tahun 2020 di bawah Kerajaan Pakatan. Peruntukan pada tahun 2020 ini adalah yang tertinggi berbanding dengan jumlah yang diterima oleh negeri-negeri lain di Malaysia dan merupakan **RM100 juta (atau 2 peratus)** lebih tinggi berbanding jumlah yang diterima oleh Sabah pada tahun 2019.

30. Peruntukan tersebut menunjukkan keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam menangani jurang pembangunan yang semakin melebar antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Oleh itu, tumpuan telah diberikan kepada perbelanjaan untuk mengurangkan

jurang pembangunan wilayah, bandar dan luar bandar serta pengukuhan faktor-faktor pembolehdaya (*enablers*) selaras dengan visi pembangunan negara yang berkonsepkan “*shared prosperity*” dan “*inclusivity*”. Dalam hal ini, peruntukan pembangunan Persekutuan itu diberikan untuk meningkatkan pembolehdaya yang sangat diperlukan oleh Sabah seperti pelabuhan; perkhidmatan ICT termasuk jalur lebar; jalan luar bandar; bekalan air dan elektrik luar bandar; pembaikan sekolah daif serta klinik; dan sebagainya.

PRESTASI DAN PROSPEK EKONOMI

Ekonomi Dunia

Datuk Speaker,

31. Ekonomi dunia pada masa ini berada dalam keadaan tidak menentu ekoran perang perdagangan antara Amerika Syarikat dengan negara China. Berdasarkan kepada persekitaran semasa ini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan ekonomi dunia bertumbuh sederhana pada kadar **3.2 peratus** dalam tahun 2019 dan akan meningkat sedikit kepada **3.5 peratus** pada tahun 2020. Unjuran ini mengambilkira sokongan sentimen kepada pasaran kewangan dan kekangan sementara pertumbuhan ekonomi global yang semakin perlahan, khususnya di Kesatuan Eropah (EU).

32. Ekonomi Amerika Syarikat pula dijangka bertumbuh pada kadar **2.6 peratus** dalam tahun 2019 dan menurun kepada **1.9 peratus** pada tahun 2020. Sungguhpun kadar pertumbuhan ini diunjur berdasarkan kepada

eksport yang mampan dan peningkatan inventori, namun konflik perdagangan Amerika Syarikat dengan negara China dijangka akan mengakibatkan kesan negatif, yang membawa kepada kelembapan ekonomi negara tersebut pada tahun hadapan. Selepas mencatatkan kadar pertumbuhan pada tahap **1.9 peratus** dan **1.3 peratus** masing-masing dalam tahun 2018 dan 2019, ekonomi EU diunjur berkembang pada kadar **1.6 peratus** pada tahun 2020 ekoran prospek permintaan luaran yang dijangka bertambah baik.

33. Pertumbuhan ekonomi negara China dijangka menurun daripada **6.2 peratus** dalam tahun 2019 kepada **6.0 peratus** pada tahun 2020. Penguncupan ini juga dipengaruhi oleh ketegangan perdagangan di antara negara tersebut dengan Amerika Syarikat yang sedang melalui penstrukturan ekonomi. Sementara itu, ekonomi negara India pula dijangka bertumbuh pada kadar **7.0 peratus** dalam tahun 2019 kepada **7.2 peratus** pada tahun 2020.

Ekonomi Malaysia

Datuk Speaker,

34. Biarpun berdepan dengan kelembapan ekonomi dunia, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dan tumbuh pada tahap **4.9 peratus** dalam suku kedua tahun 2019, yang mana ini didorong oleh permintaan dalaman yang kukuh. Akaun semasa negara juga terus berkembang kepada **RM14.3 billion** atau bersamaan **2.9 peratus** daripada Pendapatan Kasar Negara. Rizab antarabangsa Malaysia kini berada pada tahap **RM431.3 billion** atau **USD103 bilion**. Pasaran buruh juga stabil dengan **15.1 juta**

orang bekerja dalam negara dan kadar pengangguran kekal rendah pada tahap **3.3 peratus**.

Ekonomi Sabah

Datuk Speaker,

35. Ekonomi Sabah adalah sebuah ekonomi terbuka. Oleh itu, momentum dan pertumbuhan ekonomi Sabah untuk tahun 2019 dipengaruhi oleh ekonomi global yang sedang merundum; perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan Negara China; penurunan harga-harga komoditi utama; dan juga bencana alam yang dialami oleh banyak negara dalam tahun ini. Walaupun EU bukan rakan dagang terbesar Sabah, namun isu pengharaman ke atas minyak sawit mentah daripada Malaysia oleh kesatuan tersebut akan beransur-ansur menjejaskan prestasi industri sawit di negeri ini. Pertumbuhan ekonomi yang sederhana bagi rakan dagang terbesar Sabah iaitu negara China dan juga India akan mempengaruhi perdagangan negeri dalam industri sawit secara tidak langsung. Kejatuhan harga-harga sawit ini dan petroleum serta nilai ringgit yang lemah adalah faktor-faktor di luar kawalan kita.

Datuk Speaker,

36. Walaupun prestasi ekonomi global pada masa ini adalah kurang memberangsangkan, namun ekonomi Sabah kekal berdaya tahan dan tidak banyak terjejas seperti yang dijangkakan. Setakat lapan bulan

pertama tahun ini, Sabah telah mencatatkan lebih dagangan yang positif sebanyak **RM8.0 bilion**.

37. Sektor pelancongan di Sabah terus menunjukkan prestasi yang baik dan bertumbuh dengan sihat serta berdaya tahan. Justeru itu, sektor ini menjadi pemangkin kepada prestasi sektor perkhidmatan. Dalam tempoh Januari sehingga Ogos 2019, jumlah ketibaan pelancong antarabangsa dan pelancong domestik masing-masing telah meningkat sebanyak **7.4 peratus** dan **8.6 peratus** dengan jumlah ketibaan pelancong mencecah **2.78 juta**. Secara keseluruhannya, “*occupancy rate*” di hotel-hotel mencatatkan rekod yang baik melebihi **70 peratus**. Ketibaan pelancong antarabangsa ke Sabah didominasi oleh pelancong daripada negara-negara China dan Korea. Prospek sektor pelancongan pada tahun hadapan dijangka cerah dengan adanya pelbagai inisiatif dan program pembangunan serta pakej dan promosi pelancongan yang lebih agresif akan dilaksanakan bersempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) yang dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2020, sudah tentu akan meningkatkan jumlah ketibaan pelawat ke Sabah, khususnya daripada pasaran MICE melibatkan aktiviti “*Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions*”.

Datuk Speaker,

38. Sektor pertanian negeri dipengaruhi terutamanya oleh prestasi subsektor sawit. Sektor tersebut telah merekodkan peningkatan pengeluaran tetapi mengalami penurunan nilai eksport disebabkan harga-harga minyak sawit mentah yang rendah. Sebagai langkah ke hadapan, Kerajaan Negeri beriltizam untuk tidak terlalu bergantung kepada hanya

satu tanaman pertanian sahaja iaitu sawit. Usaha-usaha akan dilipatgandakan untuk beralih kepada kepelbagaian tanaman dan peningkatan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran berpremium tinggi. Negeri Sabah bakal menjadi hab makanan di rantau Asia, khususnya untuk memenuhi permintaan tinggi daripada pasaran yang besar seperti negara China.

Datuk Speaker,

39. Sukacita juga dimaklumkan bahawa terdapat peningkatan minat daripada pelabur-pelabur luar negara khususnya daripada negara China untuk melabur di Sabah. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang menyelaras beberapa projek berimpak tinggi yang akan menjana lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan dan Petronas untuk menangani masalah kekurangan tenaga elektrik di kawasan pantai timur Sabah. Projek Hidro Elektrik Ulu Padas yang sedang dalam pelaksanaan dijangka akan dapat menambah bekalan tenaga elektrik di Sabah dalam jangka masa panjang.

40. Aktiviti sektor pembinaan merekodkan peningkatan yang memberangsangkan. Peningkatan ini didorong oleh pembinaan projek-projek Lebuhraya Pan Borneo; persimpangan bertingkat; pembinaan hotel-hotel baru; dan hartanah kediaman. Pelaburan dalam sektor hartanah dan sektor pelancongan seperti pusat-pusat peranginan (*resorts*) mencerminkan kestabilan dan keyakinan para pelabur untuk melabur di Sabah.

41. Keyakinan pelabur ini juga digambarkan oleh peningkatan pertumbuhan dalam pinjaman yang diberikan untuk aktiviti kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan di Sabah. Setakat 30 Jun 2019, pinjaman untuk tujuan-tujuan tersebut telah meningkat sebanyak **10.6 peratus** iaitu daripada **RM3.9 bilion** kepada **RM4.35 bilion** berbanding tempoh masa yang sama pada tahun lalu.

42. Dengan itu, bolehlah disimpulkan bahawa prospek ekonomi negeri Sabah adalah positif pada tahun 2020, ekoran keadaan ekonomi global yang dijangka akan bertambah baik. Sumber utama pertumbuhan ekonomi Sabah pada tahun hadapan adalah daripada perbelanjaan awam, khususnya peruntukan pembangunan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan pada tahun 2020.

43. Dengan mengambilkira bahwa prospek ekonomi dunia dan serantau dijangka lebih baik pada tahun hadapan; peningkatan pelaburan persendirian dan swasta yang disokong dengan peruntukan IKS oleh Kerajaan Persekutuan; perbelanjaan awam yang besar untuk menyokong pertumbuhan ekonomi; harga-harga komoditi yang lebih stabil; dan pertumbuhan sektor pelancongan yang sihat, maka Sabah dijangka mengekalkan pertumbuhan ekonomi secara positif pada kadar **4 hingga 5.1 peratus** pada tahun 2020.

TEMA DAN FOKUS BAJET NEGERI 2020

Datuk Speaker,

44. Tema Bajet Negeri Tahun 2020 ialah “**Merancang Pembangunan Untuk Kesejahteraan Rakyat**”. Dengan tema ini, bajet tersebut telah dirangka berteraskan aspirasi dan komitmen kerajaan dalam melonjak dan mempercepatkan lagi kadar pembangunan negeri demi kesejahteraan hidup rakyat Sabah. Selaras dengan tema tersebut, Kerajaan Negeri mengagihkan sumber kewangan untuk tahun hadapan bagi mencapai matlamat strategi dan bidang-bidang yang akan diberikan fokus seperti berikut:-

Pertama: Meningkatkan kecekapan dan sistem penyampaian Kerajaan Negeri;

Kedua: Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pendekatan “inklusif”;

Ketiga: Mempercepatkan pembangunan sektor-sektor produktif, termasuk menarik pelaburan bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menjana pendapatan negeri;

Keempat: Memperkasakan pembangunan modal insan melalui peningkatan pengetahuan, kemahiran, produktiviti serta inovasi; dan

Kelima: Meningkatkan pembangunan pembolehdaya seperti ICT, infrastruktur asas fizikal, utiliti dan kemudahan awam bagi menyokong pembangunan sosial dan pertumbuhan ekonomi negeri.

45. Bagi merealisasikan matlamat tema dan fokus bajet tersebut, pada tahun 2020 Kerajaan Negeri mencadangkan anggaran perbelanjaan berjumlah **RM4,143.87 juta** berbanding anggaran kutipan hasil sebanyak **RM4,192.42 juta** dengan **Bajet Lebihan** (*Surplus Budget*) berjumlah **RM48.55 juta**. Ini menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri kekal dalam kedudukan yang sihat dan stabil.

ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN 2020

Anggaran Hasil Tahun 2020

Datuk Speaker,

46. Seperti mana yang telah dimaklumkan, Kerajaan Negeri menganggarkan kutipan hasil berjumlah **RM4,192.4 juta** pada tahun 2020. Anggaran ini melibatkan penurunan sebanyak **RM72.6 juta** atau **1.71 peratus** berbanding anggaran asal tahun 2019 berjumlah **RM4,265.0 juta**. Anggaran Hasil Negeri pada tahun 2020 ini terdiri daripada Hasil Cukai berjumlah **RM1,031.7 juta** atau bersamaan dengan **24.61 peratus**; Hasil Bukan Cukai sebanyak **RM2,697.4 juta** atau **64.34 peratus**; dan Terimaan Bukan Hasil yang berjumlah **RM463.3 juta** ataupun **11.05 peratus**.

47. Royalti petroleum dijangkakan kekal sebagai penyumbang tertinggi kepada hasil negeri untuk tahun 2020 dengan anggaran sebanyak **RM1,700.0 juta**. Jumlah ini menyumbang sebanyak **40.55 peratus** kepada keseluruhan Anggaran Hasil Negeri pada tahun 2020. Anggaran ini adalah berdasarkan bayaran yang diterima daripada PETRONAS bagi tahun 2019 sebanyak **RM1,703.5 juta**. Jumlah royalti yang diterima ini merupakan yang tertinggi dalam sejarah Sabah setakat ini.

Datuk Speaker,

48. Cukai Jualan minyak sawit mentah (CPO) merupakan peneraju bagi kategori Hasil Cukai. Cukai ini kekal sebagai sumber hasil yang kedua tertinggi dengan menyumbang sekitar **19.68 peratus** kepada jumlah keseluruhan hasil negeri tahun 2020. Namun, harga komoditi ini telah merundum sejak kebelakangan ini. Harga CPO telah jatuh ke paras **RM1,900 per tan metrik** dan menjejaskan kutipan cukai negeri. Oleh itu, anggaran asal kutipan cukai daripada punca ini sebanyak **RM900 juta** telah disemak kepada **RM750 juta** untuk tahun 2019. Manakala untuk tahun hadapan, harga CPO dijangka boleh mencapai sekurang-kurangnya **RM2,200 per tan metrik** dengan pengeluaran CPO tidak kurang daripada **lima juta tan metrik**. Berdasarkan kepada unjuran tersebut, maka jangkaan jumlah kutipan hasil daripada sumber ini pada tahun 2020 ialah **RM825.0 juta**.

49. Anggaran kutipan hasil tahun 2020 bagi Cukai Jualan Negeri ke atas tiket loteri dijangka akan kekal sama dengan anggaran tahun 2019 iaitu sebanyak **RM60.0 juta**. Manakala, jumlah kutipan hasil daripada cukai jualan mesin slot akan menurun secara drastik daripada **RM18.0**

juta kepada hanya **RM 1.5 juta** sahaja berikutan polisi Kerajaan Negeri hari ini untuk menghentikan kegiatan judi atau pertaruhan melalui mesin slot.

50. Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2014 yang membenarkan cukai ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar daripada Sabah telahpun diwartakan sebelum ini. Bagaimanapun, kutipan cukai tersebut belum lagi dapat dilaksanakan pada tahun ini disebabkan oleh keputusan Kerajaan Negeri untuk mengkaji dan memperhalusi semula jenis-jenis ikan yang akan dikenakan cukai jualan. Sebagai Kerajaan yang prihatin, semakan telah dibuat kepada pengenaan Cukai Jualan Negeri ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar daripada Sabah. Di samping itu, sejajar dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri akuakultur, pengecualian cukai jualan negeri adalah diberikan ke atas komoditi akuakultur seperti ikan hidup dan udang laut yang diternak. Dengan itu, Kerajaan menganggarkan sekurang-kurang **RM10.0 juta** mampu dikutip, apabila cukai ini mula dikenakan pada tahun hadapan.

51. Manakala, di bawah Terimaan Bukan Hasil iaitu Terimaan dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan, bagi tahun 2020, terimaan ini dijangka menyumbang sebanyak **RM463.2 juta** atau **11.05 peratus** daripada jumlah keseluruhan Anggaran Hasil Negeri Tahun 2020. Antara lain contoh terimaan ini ialah Pemberian Mengikut Kepala dan Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-jabatan Di bawah Senarai Bersama dan Pemberian Pelancongan yang kita mula terima pada tahun ini.

Datuk Speaker,

52. Anggaran hasil yang ditetapkan bagi Jabatan Air Negeri Sabah pada tahun 2020 ialah **RM305.6 juta**, atau bersamaan **7.29 peratus** daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil tahun tersebut. Sasaran kutipan hasil Jabatan Tanah dan Ukur pada tahun 2020 pula ialah **RM300.0 juta**. Jumlah ini yang merupakan **7.16 peratus** daripada keseluruhan jumlah anggaran hasil tahun 2020. Manakala, hasil daripada Jabatan Perhutanan dianggarkan berjumlah **RM130.1 juta** atau mewakili **3.13 peratus** daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil pada tahun 2020. Jumlah ini berkurang sebanyak **12.9 peratus** berbanding anggaran tahun 2019 berjumlah **RM149.5 juta**. Antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan tersebut ialah polisi Kerajaan Negeri yang mengharamkan eksport balak bermula pada 23 Mei 2018; pengeluaran balak yang rendah; pulangan royalti *agro-forestry* yang rendah akibat harga-harga komoditi utama negeri seperti kelapa sawit dan getah semasa yang menurun; serta pengimportan kayu yang dikenakan yuran pemeriksaan di bawah Enakmen Yuran telah berkurangan.

53. Sejak beberapa tahun lalu, Jabatan Pelabuhan dan Dermaga telah menunjukkan usaha dan prestasi yang baik dalam kutipan hasil. Dalam hal ini, anggaran asal hasil tahun 2019 bagi jabatan tersebut sebanyak **RM45.4 juta** telah disemak semula kepada **RM50.0 juta** dan dijangkakan jumlah ini dapat dikekalkan pada tahun 2020. Jabatan Hidupan Liar pula dijangka akan menyumbang sebanyak **RM19.5 juta** kepada anggaran hasil tahun 2020.

54. Manakala, hasil melalui “faedah dan dividen atau pulangan daripada pelaburan” dijangkakan akan menurun kepada **RM264.0 juta** pada tahun 2020 berbanding anggaran disemak sebanyak **RM329.5 juta** dalam tahun 2019. Kutipan hasil daripada sumber ini mewakili **6.30 peratus** daripada jumlah keseluruhan anggaran hasil negeri pada tahun 2020. Pengurangan dalam tahun 2020 ini disebabkan baki bayaran balik cukai (*tax credit*) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah hampir diterima sepenuhnya.

Datuk Speaker,

55. Kementerian Kewangan bertekad untuk memastikan sumber kewangan adalah mencukupi untuk menyokong keperluan bajet tahunan. Namun begitu, perlu juga diingat bahawa tanggungjawab ini harus dikongsi bersama dengan semua jabatan pemungut hasil negeri. Saya menghargai usaha gigih yang ditunjukkan oleh semua jabatan pemungut hasil selama ini. Saya menyeru agar bagi memastikan Anggaran Hasil Negeri Tahun 2020 ini dapat dicapai dengan jayanya, maka usaha, kerjasama dan komitmen daripada semua pihak terlibat perlu ditingkatkan lagi. Dalam hubungan ini juga, kesemua kementerian, jabatan dan agensi adalah disarankan untuk mengkaji dan mengenalpasti sumber hasil baharu ke arah meningkatkan pendapatan dan hasil Kerajaan Negeri. Usaha yang bersungguh-sungguh ini amat penting dan bermatlamat untuk mempelbagaikan lagi sumber kutipan hasil supaya tidak terlalu bergantung hanya kepada dua sumber utama hasil iaitu Royalti Petroleum dan Cukai Jualan CPO, dimana kedua-dua sumber ini menyumbang sekitar **60.23 peratus** daripada jumlah Anggaran Hasil Negeri Tahun 2020.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERBEKALAN 2020

Datuk Speaker,

56. Bagi tujuan membiayai operasi dan pengurusan Kerajaan, sebanyak **RM4,143.87 juta** adalah dicadangkan untuk **Anggaran Perbekalan Tahun 2020**. Jumlah ini melibatkan penurunan sebanyak **RM15.81 juta** atau **0.38 peratus** berbanding dengan anggaran asal tahun 2019 sebanyak **RM4,159.68 juta**. Jumlah ini diagih untuk tujuan pembayaran Emolumen, Perbelanjaan Berulang; dan Perbelanjaan Khas.

57. Daripada jumlah keseluruhan Anggaran Perbekalan 2020, sejumlah **RM739.59 juta** disyorkan untuk **Emolumen**. Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak **RM2.55 juta** atau **0.34 peratus** berbanding dengan anggaran tahun 2019 berjumlah **RM742.14 juta**. Seperti tahun lalu, sebab utama penurunan ini ialah pengurangan pembayaran gaji ekoran ramai kakitangan dan pegawai Kerajaan Sabah yang telah dan akan bersara serta pengambilan kakitangan baharu melibatkan pembayaran gaji yang lebih rendah.

58. Manakala, **Perbelanjaan Berulang** disyorkan sebanyak **RM1,495.88 juta** untuk tahun 2020. Jumlah ini melibatkan peningkatan sebanyak **RM123.94 juta** atau **9.03 peratus** berbanding anggaran tahun 2019 sebanyak **RM1,371.94 juta**. Kenaikan Perbelanjaan Berulang mengambilkira peningkatan Peruntukan Khas; Pemberian Kepada Dana Pembangunan Usahawan Kecil; Bantuan Am; Bantuan Kepada Anak Yatim Dan Miskin; Keusahawanan Wanita dan Ibu Tunggal; Caruman

Kepada Pihak Berkuasa Tempatan; dan Program-program di bawah Jabatan Kerja Raya Berulang.

59. Bagi **Perbelanjaan Khas** pula, disyorkan sebanyak **RM1,908.40 juta** untuk tahun 2020. Jumlah ini menurun sebanyak **RM137.20 juta** atau bersamaan **6.71 peratus** berbanding anggaran tahun 2019 yang berjumlah **RM2,045.60 juta**. Penurunan Perbelanjaan Khas tahun 2020 antaranya disebabkan oleh Caruman Kepada Kumpulan Wang Amanah Khas (*Sinking Fund*) yang tidak lagi diperlukan kerana pembayaran balik bon bernilai **RM1 bilion** akan dilunaskan sepenuhnya pada tahun ini. Selain daripada itu juga, penurunan di bawah Perbelanjaan Khas ini adalah disebabkan penamatan pengurusan loji air di bawah Kontrak *Outsource*.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2020

Datuk Speaker,

60. **Perbelanjaan Pembangunan Negeri** merupakan sumber yang amat penting dan diperlukan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Perbelanjaan ini diagih dan dikawal melalui Bajet Pembangunan, dalam mana peruntukan untuk tujuan ini diperolehi daripada caruman Anggaran Perbekalan Negeri dan juga sumber kewangan Persekutuan dalam bentuk Pemberian dan Pinjaman.

61. Bagi maksud Perbelanjaan Pembangunan, sebanyak **RM960.91 juta** dicadang untuk diperuntukkan dalam tahun 2020. Jumlah ini terdiri daripada **peruntukan Kerajaan Sabah** sebanyak **RM735.64 juta** dan **peruntukan Kerajaan Persekutuan** berjumlah **RM225.27 juta**.

Peruntukan Kerajaan Persekutuan ini yang terdiri daripada Pembayaran Imbuh Balik Persekutuan berjumlah **RM38.48 juta** dan Pinjaman Persekutuan sebanyak **RM186.79 juta**.

62. Selaras dengan intipati tema Bajet Negeri 2020, agihan peruntukan pembangunan untuk tahun hadapan tertumpu kepada **Sektor Ekonomi** sebagai penerima amaun terbesar iaitu sebanyak **RM468.40 juta** atau bersamaan dengan **64 peratus**. Ini diikuti oleh **Sektor Sosial** yang diagihkan sebanyak **RM246.62 juta** atau **34 peratus** dan seterusnya **Sektor Pentadbiran Am** sebanyak **RM20.62 juta** iaitu bersamaan **3 peratus** daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan untuk tahun 2020.

63. Untuk makluman juga, dalam tempoh RMK11, 2016-2020 Kerajaan Negeri telah meluluskan siling peruntukan pembangunan sebanyak **RM3,500.00 juta**. Siling peruntukan ini telah disemak ke atas di bawah Kajian Separuh Penggal rancangan yang sama kepada **RM4,074.76 juta** bagi membiayai sebanyak **749 projek pembangunan**. Dalam tempoh 4 tahun pertama daripada tahun 2016 sehingga 30 September 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembangunan tahunan berjumlah **RM3,310.56 juta**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM2,432.5 juta** atau bersamaan **73.4 peratus** telah dibelanjakan. Daripada jumlah projek yang diluluskan, sebanyak 154 buah projek telah siap dilaksanakan. Manakala, 458 projek lagi dalam pelaksanaan dan selebihnya sebanyak 137 projek masih dalam perancangan untuk pelaksanaan, khususnya pada tahun 2020 yang merupakan tahun terakhir dan penghujung kepada tempoh RMK11.

PEMBANGUNAN SEKTOR-SEKTOR PERTUMBUHAN

Datuk Speaker,

64. Dari aspek ekonomi, usaha-usaha untuk merencanakan pembangunan akan menumpu kepada pertumbuhan sektor-sektor produktif negeri yang utama iaitu perindustrian, pelancongan dan pertanian. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM896.32 juta** untuk pembangunan ketiga-tiga sektor tersebut.

SEKTOR PERTANIAN

Datuk Speaker,

65. Sektor pertanian akan terus diberi perhatian supaya dapat membangun seiring dan saling melengkapi dengan sektor-sektor pertumbuhan yang lain. Kerajaan Negeri sedar dan mengiktiraf peranan sektor pertanian dalam menyediakan bahan makanan kepada penduduk, peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan serta sumber bahan mentah kepada sektor pembuatan.

66. Bagi meningkatkan lagi sumbangan dan peranan sektor pertanian, Kerajaan Negeri telah menyediakan "***Agriculture Blueprint, 2021-2030***" yang menjadi panduan dalam membangunkan sektor tersebut secara terancang untuk tempoh 10 tahun akan datang. Ini termasuk menerajui potensi pertanian yang belum diterokai dan melaksanakan pelbagai program pembangunan perikanan serta penternakan ke arah

meningkatkan lagi hasil-hasil keluaran pertanian secara komersil serta bernilai ditambah yang tinggi di Sabah.

67. Sungguhpun, pelaksanaan *blueprint* tersebut dirancang bermula dalam tempoh RMK12, namun saya telah meminta supaya Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah (MAFI) melancarkannya pada awal November baru-baru ini dan memulakan pelaksanaannya pada tahun hadapan. Maka sebagai permulaan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM24.0 juta** di bawah MAFI untuk membiayai pelaksanaan program dan projek *blueprint* tersebut pada tahun 2020. Peruntukan tersebut adalah untuk membiayai pelaksanaan program dan projek berkaitan di bawah jabatan dan agensi seperti berikut:-

- Lembaga Industri Getah Sabah: **RM2.5 juta**;
- Ko-Nelayan: **RM2.9 juta**;
- Jabatan Pertanian: **RM5.3 juta**;
- Jabatan Perikanan: **RM3.5 juta**;
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar: **RM2.2 juta**;
- Jabatan Pengairan dan Saliran: **RM6.0 juta**; dan
- Koperasi Pembangunan Desa: **RM1.6 juta**.

68. Sememangnya Kerajaan Negeri hari ini amat prihatin kepada pembangunan sektor pertanian. Pada tahun 2019, saya telah meluluskan sejumlah **RM25.0 juta** di bawah Peruntukan Khas Menteri Kewangan untuk membiayai dua program pertanian yang memberi faedah secara langsung kepada petani, nelayan dan penternak. Program tersebut ialah Bantuan Bibit, Benih dan Baja yang diagihkan peruntukan **RM20.0 juta**; dan juga Bantuan Khas Padi Bukit dengan peruntukan **RM5.0 juta**.

69. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah **RM7.5 juta** telah diagihkan kepada Jabatan Pertanian untuk memberikan bantuan “*in-kind*” bagi meringankan beban serta kos pengeluaran para petani dalam meningkatkan produk pertanian dan pendapatan mereka. Sebanyak **RM7.5 juta** lagi kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk pembangunan industri Burung Walit. Manakala, baki selebihnya sebanyak **RM5.0 juta** disalurkan kepada Jabatan Perikanan untuk projek-projek pembangunan akuakultur dan akuaponik. Setakat ini, Jabatan Pertanian telah mendaftarkan seramai **2,214 orang** penerima bantuan tersebut dan bekalan bibit, benih dan baja yang akan diagihkan kepada penerima bermula pada bulan November tahun ini.

70. Bantuan Padi Bukit pula merupakan usaha Kerajaan Negeri untuk membantu para petani padi bukit dari segi pemberian baja dan racun kimia, yang bertujuan meningkatkan pengeluaran padi bukit di negeri ini. Setakat ini sebanyak **16,225 orang** penanam padi bukit dengan keluasan **11,476 hektar** telah didaftar dan baja akan diagihkan kepada para penerima sebaik sahaja musim penanaman tiba pada penghujung November tahun ini.

71. Melihat bahawa peruntukan ini mampu membantu meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan hidup petani, nelayan dan penternak, maka Kerajaan Negeri akan meneruskan program bantuan ini pada tahun hadapan sama ada menggunakan Peruntukan Khas Menteri Kewangan ataupun MAFI mengikut kesesuaian.

72. Di samping itu, MAFI dan jabatan serta agensi di bawahnya diagihkan peruntukan sebanyak **RM459.64 juta** untuk tujuan

membangunkan sektor pertanian, perikanan dan penternakan pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, Jabatan Pertanian diperuntukkan sebanyak **RM122.55 juta**, yang mana ini akan digunakan antara lainya untuk melaksanakan:-

- Program mengukuhkan Penguatkuasaan Biosekuriti Tumbuhan, jualan benih dan penyewaan kemudahan jabatan yang dijangka akan mendatangkan hasil sebanyak **RM2.5 juta** setahun;
- Program pembangunan komoditi tanaman, khususnya padi, buah-buahan, sayur-sayuran, tanaman singkat masa dan tanaman industri dengan sasaran untuk menjana pendapatan para petani kepada tahap **RM4,000 sebulan**;
- Program pembangunan usahawan pertanian melalui pewujudan usahawan tani, pengiktirafan pengusaha pertanian cemerlang di seluruh negeri Sabah dan pelaksanaan Kursus Kemahiran Pertanian Bersepadu kepada belia; dan
- Program meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan melalui penerapan Amalan Pertanian Baik ke arah Pensijilan *MyGAP* dan *MyOrganik* dalam kalangan pengusaha tanaman makanan. Usaha juga akan terus diambil untuk mengawal dan mengurangkan risiko kemasukan makhluk perosak dan penyakit tanaman melalui pemerkasaan Perkhidmatan Biosekuriti dan Kuarantin Tumbuhan di 18 Pintu Masuk di seluruh Sabah.

Datuk Speaker,

73. Kerajaan Negeri menghargai peranan Korporasi Pembangunan Desa (KPD) dalam membangunkan taraf hidup dan sosioekonomi penduduk di luar bandar. Maka pada tahun 2020, KPD akan diagihkan peruntukan pembangunan dan geran pengurusan berjumlah **RM18.99 juta**. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk meneruskan Program Perladangan Kontrak sebagai strategi utama dan perkongsian pintar dengan para petani dalam menjana pendapatan mereka melalui aktiviti pertanian. Antaranya, seperti pengeluaran ayam pedaging; madu lebah; madu kelulut; cendawan segar; buah pomelo; dan susu kambing.

74. Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) memainkan penting dalam membangunkan industri getah di Sabah. Pada tahun hadapan, LIGS diagihkan **RM16.81 juta** untuk tujuan menaiktaraf infrastruktur asas di ladang, khususnya jalan ladang bagi membolehkan getah ditoreh dan dipasarkan; membina bangunan baharu untuk pejabat, rumah kakitangan dan stor bagi menggantikan yang telah usang; dan meneruskan program Latihan Kemahiran kepada pekebun kecil sebelum ladang getah diserahkan balik kepada peserta. Pada tahun 2020, seramai **2,000 pekebun kecil** dari seluruh Sabah dijangka akan dilatih di bawah program tersebut. Di samping itu, LIGS juga akan meneruskan pelaksanaan projek-projek Aktiviti Ekonomi Tambahan untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah melibatkan Tanaman Lada Hitam, Tanaman Halia, Ternakan Kelulut dan Penanaman Buah-buahan.

75. Manakala, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sektor kecil penternakan diagihkan sebanyak **RM68.38 juta** pada tahun 2020. Peruntukan ini diagihkan untuk membiayai pelaksanaan aktiviti tujuh program utama jabatan melibatkan pelbagai daerah di seluruh Sabah. Ini termasuklah juga aktiviti membangun dan memantau lebih banyak penternak dan ladang ruminan bagi meningkatkan peratusan Tahap Sara Diri (SSL) negeri Sabah dalam bidang ternakan. Aktiviti program-program tersebut termasuklah Perolehan Kambing untuk pembiakbakaan dan penternakan; Projek Transformasi Tenusu; Pembangunan *Pig Farm Area* secara terancang dan terkawal; Pembinaan Makmal; Pembangunan Kawasan Padang Ragut; Projek Nukleus Kerbau; dan Projek Pembangunan Pastura dan Makanan Agro untuk ruminan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan menyambung pelaksanaan Projek Burung Walit ke tahun hadapan, jika tidak sempat disiapkan sepenuhnya dalam tahun 2019. Projek tersebut yang diagihkan peruntukan sebanyak **RM7.5 juta** di bawah Peruntukan Khas Menteri Kewangan pada tahun ini dijangka akan memberi faedah kepada **2,015 pengusaha** burung walit di seluruh Sabah.

76. Sektor perikanan dan akuakultur juga amat penting kepada ekonomi Sabah. Bagi meningkatkan lagi pembangunan sektor kecil ini, Jabatan Perikanan dan Ko-Nelayan diagihkan peruntukan masing-masing sebanyak **RM36.11 juta** dan **RM13.55 juta** pada tahun 2020. Peruntukan Jabatan Perikanan akan dibelanjakan bagi mencapai objektif strategik RMK11 untuk meningkatkan pengeluaran ikan dan hasil perikanan ke tahap optima; memperhebatkan pengeluaran akuakultur rumpai laut dan ikan hiasan; menguruskan sumber perikanan melalui kaedah inovatif dan berkesan untuk mencapai perikanan tangkap dan

akuakultur yang mampan; meningkatkan penggunaan dan aplikasi teknologi baru; meningkatkan pendapatan kumpulan sasar dan menjalankan tadbir urus perikanan yang baik. Di samping itu, jabatan tersebut juga akan menjalankan program-program sokongan seperti konservasi melibatkan projek Tagal dan Tukun Tiruan; penguatkuasaan; pembangunan sosio-ekonomi; dan pensijilan ladang akuakultur seperti *Malaysian Good Aquaculture Practice (MyGAP)* dan *Fish Quality Certificate (FQC)*. Kesemua ini bertujuan menjamin pengeluaran hasil perikanan yang mampan dan berkualiti untuk pasaran domestik dan juga eksport.

77. Manakala, peruntukan Ko-Nelayan akan dibelanjakan untuk melaksana 11 buah program dan projek pembangunan. Antara yang utama ialah projek agro-pelancongan Taman Mini Akuakultur Ko-Nelayan di Tuaran; Bantuan Kredit Perikanan; Pusat Pengeluaran Benih Ikan Marin; Pembangunan Kompleks Perikanan; pembinaan infrastruktur perikanan seperti pondok dan jeti nelayan di perkampungan nelayan; dan pembangunan industri hiliran perikanan, termasuk latihan kemahiran, *upskilling* dan bimbingan keusahawanan kepada kumpulan sasar.

78. Bagi menyokong pembangunan sektor pertanian, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM6.2 juta** kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi tujuan membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran untuk tanaman padi di pelbagai daerah dan sayuran tanah tinggi di daerah Ranau.

SEKTOR PERINDUSTRIAN

Datuk Speaker,

79. Sektor pembuatan dijangka terus kekal sebagai satu daripada penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri dalam tahun 2020. Sektor ini mengalami kadar pertumbuhan tahunan secara purata yang rendah sekitar **3.85 peratus** dalam tempoh 2017 sehingga 2018. Namun begitu, sumbangan sebenar sektor ini kepada KDNK negeri telah meningkat sebanyak **RM0.15 bilion** daripada **RM6.36 bilion** dalam tahun 2017 kepada **RM6.51 bilion** pada tahun 2018. Sumbangan sektor pembuatan kepada perdagangan luar juga signifikan dengan nilainya mencecah **RM2.6 bilion** atau bersamaan **6.2 peratus** daripada jumlah eksport pada tahun 2017. Dari segi pelaburan, Sabah berjaya menarik pelaburan bernilai **RM0.23 bilion** pada tahun 2018 melibatkan pengaliran masuk dana pelaburan domestik dan asing. Dengan pelaburan tersebut, sektor pembuatan berjaya menyediakan **1,616** peluang pekerjaan baharu dalam tempoh yang sama.

80. Seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan dari segi dasar kepada pembangunan sektor perindustrian. Langkah ini merupakan suatu pendekatan dan strategi utama untuk mempercepat dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Sabah ke arah mencapai status sebuah negeri maju berpendapatan tinggi.

81. Bagi memperhebat dan mewujudkan "*paradigm shifts*" kepada pembangunan sektor perindustrian, Kerajaan Negeri telah mensasarkan pertumbuhan sektor ini pada kadar purata **17 peratus** setahun, dengan

unjuran sumbangan kepada KDNK sebanyak **35 peratus** menjelang tahun 2030. Bagi mencapai sasaran tersebut, beberapa inisiatif baharu telah, sedang dan akan diperkenalkan. Ini termasuklah menaiktaraf kemudahan infrastruktur; utiliti; ameniti sosial; dan logistik, termasuk pelabuhan.

82. Pada masa yang sama, usaha-usaha juga akan diteruskan untuk meningkatkan daya saing taman-taman perindustrian sedia ada untuk menarik lebih banyak pelaburan; membangunkan jaringan jalan raya yang berkualiti; mewujudkan *Free Economic Zone*; membangunkan industri *Aerospace & Autocity*; mewujudkan Pusat Kreatif Ekonomi dan Inovasi; menjadikan Pelabuhan POIC Lahad Datu sebagai "*Legal Landing Place*" dan *Tender Port* untuk Penghantaran Pasaran Hadapan Minyak Sawit Malaysia oleh Asia Pacific Exchange Pte.Ltd (APEX); dan menjenamakan semula POIC Sandakan kepada *Sandakan Furniture Hub* dengan matlamat memacu pembangunan industri hiliran perkayuan. Di samping itu, usaha-usaha juga akan dipertingkatkan untuk mempromosi peluang-peluang pelaburan dalam aktiviti-aktiviti hiliran bernilai tambah tinggi, khususnya sektor minyak dan gas; perkayuan; minyak sawit; dan produk-produk pertanian yang lain.

83. Kerajaan Negeri juga sedang menggubal dasar dan halatuju pembangunan perindustrian negeri yang baharu mengambil kira perancangan pembangunan di Kalimantan, Indonesia dan pembangunan hab logistik perkapalan Selat Lombok Makassar. Sebagai usaha untuk memperkasakan sektor perkayuan serta sektor minyak dan gas, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan *Sabah Timber Industrial Master Plan* dan *Sabah Oil and Gas Industrial Master Plan*. Selain itu, usaha-usaha akan

turut diambil untuk memperkukuhkan institusi sedia ada, termasuk merancang untuk menubuhkan sebuah institusi baharu yang akan menumpu kepada usaha-usaha mempromosi peluang-peluang pelaburan di Sabah.

84. Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM146.79 juta** untuk pembangunan sektor perindustrian serta perdagangan di Sabah pada tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM36.47 juta** telah diperuntukkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, dan jabatan serta agensi di bawahnya untuk pelaksanaan berbagai program. Antaranya ialah pembangunan infrastruktur perindustrian; keusahawanan; promosi pelaburan; pelaksanaan kajian untuk penyediaan pelan-pelan induk pembangunan subsektor berkaitan; serta usaha-usaha untuk meningkatkan daya saing industri melalui penerimgunaan teknologi yang dipacu *Industry Revolution (IR) 4.0*; dan memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh.

PEMBANGUNAN IKS DAN KEUSAHAWANAN

Datuk Speaker,

85. Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga telah dan akan terus diberi tumpuan sebagai pemangkin utama kepada industri pembuatan. Program-program memperkasakan IKS yang telah dilaksanakan termasuklah mengadakan kursus keusahawanan; meningkatkan kemahiran terutama menggunakan teknologi baharu; memberikan bantuan mesin untuk meningkatkan pengeluaran dan

pembungkusan; serta menyertai expo di peringkat nasional dan juga antarabangsa bagi mempromosikan produk keluaran usahawan IKS tempatan. Setakat Ogos 2019, sebanyak **6 expo** peringkat antarabangsa telah disertai oleh para pengusaha IKS daripada Sabah, yang mana berjaya mendapatkan tempahan jualan sebenar sebanyak **RM23.0 juta**.

86. Program di bawah *One District One Small Industri* seperti Festival Industri Kecil Sabah yang dilancarkan pada bulan Julai 2018, telah memberi manfaat kepada **649 usahawan IKS** melalui penganjuran di **3 daerah** dalam tahun 2019. Sementara itu, sehingga bulan Ogos 2019, program-program berkaitan kursus keusahawanan seperti KIKSTART telah memberikan latihan kepada seramai **300 usahawan IKS**.

87. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM20.0 juta** untuk Dana Pembangunan Usahawan Kecil di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM3.0 juta** telah diagihkan kepada Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan untuk membantu usahawan IKS membeli mesin dan peralatan yang bertujuan meningkatkan pengeluaran produk berkualiti dan mengembangkan perniagaan atau perusahaan mereka. Peruntukan tersebut telah memberikan faedah kepada **431 orang** usahawan IKS di seluruh Sabah, termasuk belia dan peniaga kecil-kecilan pada tahun ini.

88. Daripada peruntukan tahun 2019 tersebut, sejumlah **RM12.0 juta** telah disalurkan kepada Perbadanan Pinjaman Sabah untuk penyediaan kemudahan pinjaman di bawah *Youth Entrepreneurship Scheme* dengan kadar faedah yang rendah bagi membolehkan usahawan graduan dan

belia mengembangkan perniagaan mereka. Manakala, **RM3.0 juta** lagi telah diagihkan kepada Yayasan Usaha Maju (YUM) yang dijangka akan membantu seramai **19 usahawan** wanita memperbesarkan lagi perniagaan dan perusahaan mereka.

89. Baki peruntukan selebihnya sebanyak **RM2.0 juta** telah diagihkan kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi melaksanakan *Youth Entrepreneurship Aspiration Programme (YEAP)* sebagai dorongan dan insentif kepada para belia untuk terus berkecimpung dalam bidang keusahawanan. Bantuan ini dijangka akan memberi faedah kepada seramai **950 orang** usahawan belia daripada semua daerah di seluruh Sabah pada tahun 2019.

90. Melihat kepada impak positif bantuan khas tersebut, maka Kerajaan Negeri akan menaikkan lagi peruntukan untuk program pembangunan keusahawanan kepada **RM40.0 juta** pada tahun 2020 di bawah kawalan Kementerian Kewangan.

Datuk Speaker,

91. Saya juga berbesar hati memaklumkan bahawa beberapa usahawan desa di bawah bimbingan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah telah menunjukkan prestasi cemerlang dan berjaya mendapat anugerah. Misalnya, pencapaian Anugerah Usahawan Wanita Terbaik sempena Karnival Usahawan Desa 2019 dan Anugerah “*Million Achievement 2018/2019*” oleh *World Organization Summit For Tourism*”. Ini bermakna penghasilan produk-produk tempatan oleh usahawan desa telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Program ini berjaya membuka ruang kepada usahawan-usahawan kecil desa untuk meraih pendapatan, di samping menjadi majikan kepada penduduk setempat yang berkecimpung dalam aktiviti berkaitan.

92. Justeru itu, untuk memperkasakan sokongan kepada usahawan desa dari segi peningkatan kemahiran dan kualiti produk, KPLB Sabah akan meneruskan Program Pembangunan Usahawan Desa pada tahun hadapan.

SEKTOR PELANCONGAN

Datuk Speaker,

93. Kita bersyukur kerana walaupun sektor-sektor pertanian, perindustrian dan perdagangan telah terjejas oleh kejatuhan harga-harga komoditi utama dan kelembapan ekonomi dunia, namun sektor pelancongan di Sabah kekal berdaya tahan serta bertumbuh secara positif dan memberangsangkan.

94. Setakat Januari hingga bulan Ogos 2019, ketibaan pelancong ke Sabah bertumbuh dengan sihat pada kadar **8.2 peratus**. Seperti mana yang telah dimaklumkan sebelum ini, ketibaan pelancong ke Sabah dalam tempoh yang sama seramai **2.78 juta** dengan anggaran perbelanjaan pelancongan mencecah **RM6.0 bilion**. Ketibaan pelancong antarabangsa masih didominasi oleh pelawat daripada China dan Korea Selatan. Kerajaan Negeri melalui KePKAS akan mengambil langkah meluaskan lagi pasaran pelancongan dengan memberi tumpuan kepada pasaran India dan Eropah yang mempunyai potensi besar untuk diterokai.

95. Pada masa ini Sabah mempunyai akses ke **24 destinasi** melalui **224 penerbangan** antarabangsa setiap minggu; **445 penerbangan** domestik; dan **62 penerbangan** sewa khas daripada China, Korea Selatan, Taiwan, Jepun dan Singapura. Bilangan penerbangan yang cukup banyak ini telah menjadikan Lapangan Terbang Kota Kinabalu antara lapangan terbang yang tersibuk di Malaysia dan menempatkan negeri Sabah sebagai destinasi pelancongan yang unggul.

96. Bagi menyemarakkan prestasi sektor pelancongan di Sabah pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri akan memanfaatkan Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan sasaran ketibaan pelancong, seramai **4.18 juta** dan anggaran perbelanjaan pelancongan sebanyak **RM8.96 bilion**.

97. Maka, bagi tahun 2020 Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM237.61 juta** untuk pembangunan sektor pelancongan. Ini termasuklah peruntukan perbekalan dan pembangunan kepada KePKAS berjumlah **RM130.90 juta**. Manakala, baki sebanyak **RM106.71 juta** diagihkan kepada jabatan dan agensi lain yang turut menyumbang kepada pembangunan sektor pelancongan seperti Jabatan Perhutanan dan Pusat Biodiversity Sabah. Peruntukan KePKAS tersebut akan dibelanjakan untuk pelaksanaan program pembangunan infrastruktur serta produk-produk pelancongan, termasuk *Community Based Tourism* dan pelancongan luar bandar; pelestarian budaya dan warisan etnik Sabah; promosi pelancongan; dan pengurusan alam sekitar yang mampan.

Datuk Speaker,

98. Kerajaan melalui KePKAS, mensasarkan penambahan koleksi Warisan Khazanah Negeri daripada **70,000 unit** pada tahun 2019 kepada **77,000 unit** dalam tahun 2020. Sebagai menyokong pembangunan industri pelancongan berasaskan budaya; penganjuran karnival; festival; bengkel budaya dan bahasa; serta program-program seumpamanya akan terus diperkasakan bagi memastikan warisan budaya yang unik melibatkan **35 etnik** dan **217 subetnik** dikekalkan. Di samping itu, usaha-usaha juga akan diteruskan untuk mengenalpasti bangunan, tapak dan monumen yang boleh diangkat sebagai Warisan Negeri. Penerbitan bahan budaya akan terus digandakan, dan dalam masa yang sama pendigitalan maklumat penerbitan serta koleksi yang diiringi oleh Perlindungan Harta Intelek.

Datuk Speaker,

99. Keindahan dan kekayaan flora dan fauna di Sabah menjadi tarikan dan tonggak utama sektor pelancongan negeri. Justeru itu, KePKAS dan jabatan serta agensi di bawahnya diberikan tanggungjawab menerajui inisiatif untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM62.90 juta** kepada Jabatan Hidupan Liar; Taman-Taman Sabah; dan Jabatan Perlindungan Alam Sekitar pada tahun 2020 untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkenaan. Kerajaan juga memperuntukkan **RM116.28 juta** kepada Jabatan Perhutanan untuk mengurus dan membangunkan sektor kecil perhutanan secara lestari pada tahun yang sama.

100. Pada masa ini, UNESCO sedang dalam proses mengisytiharkan Kinabalu Global Geopark, yang mana ini pasti menambahkan lagi status berprestij Tapak Warisan Dunia dan Rizab Biosfera dan Manusia yang telah dahulu diperolehi daripada organisasi dunia tersebut. Dalam usaha memperluaskan Kawasan Perlindungan Marin kepada **13 peratus** yang dikenalpasti menjelang tahun 2023, dua ekspedisi saintifik telah dijalankan untuk menilai kesesuaian perairan Teluk Darvel, Lahad Datu dan perairan Pulau Mantanani, Kota Belud sebagai sebuah taman marin.

101. Di samping itu, had tampungan (*carrying capacity*) setiap destinasi pelancongan berasaskan taman marin dipelihara dan dikekalkan untuk perlindungan tapak-tapak yang sensitif seperti Pulau Sipadan (iaitu terhadap kepada 176 orang penyelam sehari); puncak Gunung Kinabalu (terhadap kepada 135 pendaki sehari) dan Pulau Selingan (terhadap kepada 50 orang pelawat bermalam sehari). Tempahan kemasukan pelancong secara dalam talian juga sedang dibangunkan.

102. Bagi meningkatkan lagi usaha ke arah mewujudkan kawasan dilindungi yang lebih luas bagi menampung populasi pelbagai hidupan liar, KePKAS akan memberi fokus kepada komitmen dan kerjasama dengan semua pihak berkaitan termasuk pihak NGO; syarikat-syarikat perladangan; dan jabatan-jabatan Kerajaan. Dalam pada itu, pemantauan dan penguatkuasaan akan dilaksanakan dan diperketatkan bagi memastikan insiden-insiden pembunuhan kejam, misalnya ke atas gajah Pygmy Borneo untuk mendapatkan gadingnya di Kalabakan, Tawau pada awal bulan September, 2019 baru-baru ini tidak berulang lagi. Pesalah yang didapati mencederakan atau membunuh hidupan liar yang dilindungi akan dikenakan denda yang lebih berat. Pelan pengurusan bagi beberapa

spesis hidupan liar terancam di Sabah telahpun tersedia untuk dilaksanakan secara bersepadu. Kempen Kesedaran terhadap kepentingan menyayangi hidupan liar akan dilipatgandakan.

Datuk Speaker,

103. Kerajaan Negeri juga komited untuk melindungi alam sekitar dan memulihara kelestarian khazanah alam sekitar supaya bersih, sihat dan selamat ke arah mewujudkan kehidupan yang berkualiti kepada rakyat selaras dengan **Dasar Alam Sekitar Negeri Sabah**. Justeru itu, Kerajaan menekankan komitmen untuk memberikan perkhidmatan cekap dengan memendekkan tempoh memproses Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) kepada **40 hari** pada tahun 2019 dan akan dipendekkan kepada **35 hari** selaras dengan KPI kementerian tersebut pada tahun 2020. Selain itu, pelbagai inisiatif akan dilipatgandakan dalam usaha mempertingkatkan kesedaran awam ke atas kepentingan melindungi, memelihara sumber biodiversity; dan memulihara alam sekitar, khususnya melalui penglibatan para pelajar dan komuniti di Sabah.

KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR SOKONGAN

Datuk Speaker,

104. Secara keseluruhannya, Sabah masih lagi ketinggalan dan kekurangan dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas yang mencukupi dan berkualiti untuk kesejahteraan hidup rakyat serta menyokong pembangunan ekonomi negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan kepada pembangunan infrastruktur

seperti jalanraya; jambatan; pengangkutan awam; serta utiliti seperti perkhidmatan pembedungan, bekalan air dan juga elektrik.

105. Kesungguhan Kerajaan ini dibuktikan melalui penyediaan peruntukan yang besar untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam sebanyak **RM1,571.51 juta** pada tahun 2020. Jumlah ini termasuklah peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan jabatan serta agensi di bawahnya yang berjumlah **RM929.44 juta** serta peruntukan di bawah kawalan Kementerian Kewangan berjumlah **RM530.70 juta**.

106. Bagi tahun 2020, Jabatan Kerja Raya (JKR) diperuntukkan sebanyak **RM196.69 juta** untuk membiayai pelaksanaan program-program pembangunan jalanraya; jambatan; pembedungan; pembaikan cerun; dan bangunan kerajaan. Sebagai tambahan, Kerajaan Persekutuan dijangka akan memperuntukkan **RM1.0 bilion** untuk meneruskan pelaksanaan **11 buah** projek sambungan dan memulakan **4 buah** projek baharu Lebuhraya Pan Borneo.

107. Antara lain program yang akan dilaksanakan oleh JKR di bawah pembiayaan negeri pada tahun 2020 termasuklah yang berikut:-

- Menyiap dan membina jalan-jalan baharu di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, Sandakan, Tuaran, Beluran, Kudat, Putatan dan di pekan kecil, luar bandar; serta pembaikan cerun-cerun; jambatan; dan pengurusan trafik dengan peruntukan sebanyak **RM77.24 juta**;

- Membina dan menyelenggara bangunan-bangunan Kerajaan Negeri, termasuk kuarters dengan peruntukan sebanyak **RM74.60 juta**; dan
- Kerja-kerja membaikpulih sistem pembetungan di daerah-daerah termasuk di bawah PBT, yang mana program ini akan dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **RM15.0 juta** dan Pinjaman Persekutuan berjumlah **RM94.15 juta**.

Datuk Speaker,

108. Air amat penting dan merupakan keperluan asas paling kritikal bagi semua hidupan. Bekalan air bersih yang mencukupi juga merupakan faktor kritikal yang diperlukan dalam mengerakkan pembangunan sesebuah ekonomi. Ketiadaan air boleh menukar tanah yang subur menjadi gersang. Demikian pula, kekurangan bekalan air boleh menyebabkan huru-hara sosial dan membantutkan pertumbuhan sesebuah ekonomi. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus memberikan keutamaan kepada program pembangunan bekalan air bersih dan terawat untuk kesejahteraan hidup rakyat dan memenuhi keperluan industri, termasuk perniagaan di Sabah.

109. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM546.02 juta** kepada Jabatan Air Negeri Sabah untuk tujuan operasi dan pelaksanaan projek pembangunan pada tahun 2020. Antara lain program dan projek yang bakal dilaksanakan pada tahun hadapan ialah:-

- Program Khas Bekalan Air dengan peruntukan sebanyak **RM125.0 juta**;
- Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tak Berhasil dengan peruntukan berjumlah **RM7.9 juta**;
- Program-program Menaiktaraf Paip Utama, Agihan dan Retikulasi; Tangki, Reservoir dan Pam Penggalak; serta Loji dan Muka Sauk dengan peruntukan sejumlah **RM18.5 juta**; dan
- Program Bekalan Air Serta-Merta dan Rancangan Bekalan Air Negeri Sabah di bawah Program Pinjaman Mudah Persekutuan yang mana dibiayai terlebih dahulu dengan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak **RM48.0 juta**.

Datuk Speaker,

110. Dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan keretapi di negeri ini, sejumlah **RM44.74 juta** telah diperuntukkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah pada tahun 2020. Peruntukan pembangunan akan dibelanjakan bagi meneruskan **10 buah** program yang telah dirancang untuk tahun hadapan. Antaranya termasuklah pembinaan dan penyelenggaraan jalan tetap keretapi dan jalan susur; pembaikan dan naiktaraf kelengkapan stesen-stesen keretapi; serta penggantian diesel train set dan diesel hidraulik. Sebagai tambahan, jabatan tersebut juga akan menyiapkan **dua** buah projek pembiayaan Persekutuan iaitu perolehan Diesel Multiple Unit (DMU) dan naiktaraf landasan Halogilat ke Tenom dengan peruntukan sebanyak **RM33.4 juta** pada tahun 2020.

Datuk Speaker,

111. Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah berfungsi untuk menyediakan perkhidmatan kawalan dan penjagaan keselamatan lalu lintas air serta pembangunan kemudahan pelabuhan di seluruh Sabah. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM21.68 juta** kepada jabatan ini untuk tujuan mengurus dan operasi. Peruntukan tersebut akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jeti-jeti pendaratan awam dan *Barter Trade*; struktur-struktur alat bantuan pelayaran; serta menara kawalan trafik perkapalan. Manakala, peruntukan pembangunan akan dibelanjakan untuk meneruskan antara lainnya program Bantuan Pelayaran dan Suar-Muar di kawasan had-had Pelabuhan Sipitang, Tawau dan Sandakan; serta menaiktaraf kemudahan sedia ada di kawasan Terminal Feri Menumbok.

112. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak **RM122.74 juta** kepada Jabatan Pengairan dan Saliran pada tahun 2020. Peruntukan ini akan dibelanjakan untuk program pembangunan infrastruktur perparitan dan saluran bandar yang bertujuan mencegah dan menangani bencana banjir; serta program penstabilan atau pencegahan hakisan tebing sungai dan pantai. Ini termasuklah meneruskan pelaksanaan program dan projek seperti Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Tawau, Tawau dan Sungai Petagas Kg. Sendil, Putatan; Rancangan-rancangan Saluran Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu, Penampang dan Tawau; serta Saluran Bandar Kecil di Tenom dan Beaufort.

Datuk Speaker,

113. Isu gangguan bekalan tenaga elektrik di Pantai Timur Sabah sejak sekian lama sudah tentu menghambat pembangunan sosial dan kemajuan ekonomi di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, saya berbesar hati memaklumkan bahawa pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan SESB bagi meningkatkan kapasiti aliran tenaga dari Pantai Barat ke Pantai Timur melalui Projek *Southern Link*. Projek ini akan memberi bekalan elektrik yang lebih baik dan melengkapkan tunjang utama Grid 275kV sistem di Sabah. Bagi pelaksanaan awal projek tersebut, SESB telah diberikan geran dan peruntukan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah **RM69.0 juta** untuk tempoh 2019-2020. Ini adalah untuk membiayai kerja-kerja awal penilaian dan pengambilalihan tanah bagi jajaran talian penghantaran bekalan elektrik ke Pantai Timur Sabah.

MODAL INSAN

Datuk Speaker,

114. Modal insan merupakan aset terbesar dan harta yang tidak ternilai kepada Sabah. Oleh itu, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada usaha untuk memperkasa pembangunan modal insan ke arah melahirkan generasi yang kompeten, berdaya tahan dan berintegriti supaya mampu memartabatkan Sabah ke tahap lebih tinggi lagi. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM267.43 juta** untuk pembangunan modal insan, termasuk keagamaan dan kemudahan serta infrastruktur sokongan berkaitan pada tahun hadapan.

115. Daripada jumlah tersebut, **RM124.66 juta** telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran dan Inovasi bagi membiayai pelaksanaan pelbagai program pembudayaan inovasi. Ini termasuklah pewujudan hab inovasi dan penganjuran kempen, seminar serta pertandingan seperti *Makerspace* dan bengkel “*Do It Yourself*” di sekolah-sekolah di Sabah pada tahun 2020. Di samping itu, persidangan atau simposium juga akan dianjurkan bagi memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada semua pihak yang berjaya menghasilkan sesuatu rekaan atau ciptaan baharu. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui kementerian berkenaan akan meneruskan komitmen untuk menangani isu sekolah-sekolah daif di Sabah melalui kerjasama yang lebih erat dengan kementerian berkenaan di peringkat Persekutuan.

116. Bagi membantu pelajar-pelajar daripada Sabah yang layak untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di dalam dan luar negara, Kerajaan Negeri akan terus menyedia dan menawarkan **Biasiswa Kerajaan Negeri Sabah** dengan peruntukan sebanyak **RM52.0 juta** pada tahun hadapan. Bantuan ini dijangka akan memberikan faedah kepada sekitar **1,200 orang** pelajar daripada kalangan anak-anak tempatan pada tahun 2020.

117. Sebagai gedung ilmu, Perpustakaan Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak **RM43.28 juta** untuk tujuan mengurus dan pembangunan dalam tahun 2020. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan antara lain untuk pelaksanaan program-program yang dirancang pada tahun tersebut seperti:-

- Memulakan pembinaan bangunan perpustakaan cawangan Tenom dan Kunak;
- Mengganti bas bergerak yang telah usang di cawangan Sandakan dan menyediakan bas DesaNet di cawangan Papar, Kudat dan Keningau;
- Membangun koleksi yang komprehensif dengan perolehan buku, e-book; e-jurnal; terbitan berkala; serta bahan audio visual; dan
- Melaksanakan program kempen membaca secara besar-besaran di seluruh rangkaian perpustakaan di negeri ini.

118. Di samping itu, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah **RM23.06 juta** kepada Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM) pada tahun 2020. Antara lain program-program yang akan dilaksanakan ialah:-

- Melaksanakan Kajian *Human Capital Development Blueprint For Sabah, 2021 – 2035*, yang bertujuan mengenal pasti jurang permintaan penawaran pasaran kerja pelbagai industri. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai garis panduan merancang pembangunan modal insan di Sabah;
- Memulakan pembinaan Kampus Institut Latihan Teknik dan Perdagangan (ILTP) Mesilou, Kundasang, Ranau, yang akan dijadikan sebagai Pusat Pengajian Hospitaliti dan Perhotelan pada tahun 2020;

- Menjalin kerjasama dengan UniKL dan menghantar pelatih ILTP melanjutkan pelajaran ke Peringkat Diploma dalam bidang automotif; elektrik; kimpalan; dan penyaman udara, dalam mana penghantaran pertama pelajar dijangka dapat dibuat pada awal tahun 2020;
- Melaksanakan pelbagai program bagi membantu rakyat seperti program Kembara Kerjaya dan Pameran Latihan Kemahiran yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja; dan
- Menaiktaraf Alat Bantuan Latihan (ABL) Program Teknikal dan Perdagangan di ILTP, JPSM Papar.

Datuk Speaker,

119. Adalah menjadi dasar dan matlamat Kerajaan hari ini untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi termasuk dari aspek teknologi seperti ICT. Dalam dunia moden dan era globalisasi hari ini, kemampuan modal insan dalam menguasai teknologi digital yang bertunjangkan infrastruktur dan infostruktur ICT amatlah kritikal dalam usaha Kerajaan untuk maju dan bergerak pantas ke hadapan.

120. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM57.49 juta** untuk latihan, kursus-kursus dan pembangunan ICT di Sabah pada tahun hadapan. Ini termasuklah peruntukan di bawah Kementerian Pelajaran dan Inovasi sebanyak **RM35.69 juta** dan Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah berjumlah **RM20.90 juta**.

Manakala, baki peruntukan selebihnya sebanyak **RM0.90 juta** diletakkan di bawah kawalan Kementerian Kewangan. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan antara lainnya untuk meneruskan agenda pembangunan Kerajaan Elektronik (*e-Government*); program Kreatif Inovasi; dan Program Pembangunan IT.

Datuk Speaker,

121. Hasrat dan harapan kita tidaklah terhenti setakat melahirkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi sahaja. Ini kerana Kerajaan memerlu dan mementingkan sumber manusia yang telah diterapkan dengan nilai-nilai murni dan positif. Ini merujuk kepada pembentukan insan yang seimbang dari aspek intelek dan kerohaniannya berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan program-program keagamaan seperti berikut:-

- Pengurusan hal-ehwal dan pendidikan agama Islam di Sabah dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM106.22 juta**. Ini melibatkan peruntukan-peruntukan bagi Jabatan Hal-Ehwal Agama Islam; Majlis Ugama Islam Sabah; dan Perbadanan Baitulmal pada tahun 2020. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk pembangunan prasarana dan kemudahan seperti Kompleks Islam; masjid; surau; tadika dan sekolah-sekolah agama serta rumah-rumah anak yatim. Dalam hal ini, tumpuan akan diberikan kepada pemerkasaan aspek ilmiah dan penyediaan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa kepada para pelajar; dan

- Bantuan kepada Badan-badan Keagamaan, Sekolah-sekolah Persendirian Bukan Islam dan Sekolah-sekolah Mubaligh dengan peruntukan sebanyak **RM43.0 juta** pada tahun hadapan. Peruntukan ini terbahagi kepada **RM25.0 juta** untuk tujuan keagamaan. Manakala, selebihnya sebanyak **RM18.0 juta** adalah diagihkan untuk pembangunan sekolah-sekolah persendirian dan sekolah-sekolah bukan Islam. Sebagai pentadbir yang prihatin, Kerajaan Negeri telah menaikkan lagi peruntukan bagi bantuan ini sebanyak **RM8.0 juta** atau **22.86 peratus** pada tahun 2020 berbanding dengan peruntukan tahun 2019 yang berjumlah **RM35.0 juta**.

PEMBANGUNAN BANDAR

Datuk Speaker,

122. Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) serta agensi di bawahnya, termasuk PBT memainkan peranan penting di dalam merancang, mengurus dan membangunkan kawasan pekan dan bandar-bandar di Sabah. Maka bagi memperkasakan kualiti perkhidmatan dan mensejahterakan hidup rakyat di kawasan bandar, kementerian ini diagihkan peruntukan sebanyak **RM90.40 juta** untuk tujuan operasi dan pembangunan pada tahun 2020.

123. Secara keseluruhan, peruntukan ini akan dibelanjakan antara lainnya untuk meneruskan program-program pembangunan dan penyelenggaraan prasarana dan infrastruktur asas dalam kawasan perkadaran; penyediaan pelan-pelan tempatan; pelaksanaan sistem

pengurusan sisa kumbahan dan pepejal yang komprehensif; dan pembangunan pelan induk landskap untuk mencantik serta menceriakan kawasan bandar.

124. Daripada jumlah tersebut juga, sebanyak **RM75.18 juta** diagihkan kepada semua PBT untuk tujuan membiayai pemberian kapital bagi penyelenggaraan jalan raya; penyediaan pelbagai kemudahan awam seperti anjung selera, pasar-pasar umum, tapak-tapak tamu; dan pembangunan landskap. Selain itu, peruntukan tersebut juga disediakan untuk pembangunan infrastruktur dan subsidi tanah bagi projek-projek perumahan di Tawau dan Sandakan di bawah Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB).

125. Bagi memantapkan lagi aspek pengurusan dan pembangunan dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, Kerajaan Negeri juga telah mengagihkan geran dan peruntukan pembangunan sebanyak **RM40.53 juta** kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK). Peruntukan tersebut akan dibelanjakan antara lainnya untuk program pembinaan dan naiktaraf infrastruktur jalanraya; pembedungan; kolam takungan; sistem saliran; serta penyediaan kemudahan untuk orang ramai seperti tandas awam; pasar basah; rumah sampah; perhentian bas dan teksi; laluan pejalan kaki; taman-taman rekreasi; dan tapak pasar malam dalam kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Selain itu, DBKK juga akan melaksanakan program-program peningkatan keselamatan dan penyelenggaraan lampu jalan; pembangunan pangkalan data (GIS); serta pengurusan sampah di sungai dan kampung air di Likas dan Inanam.

Datuk Speaker,

126. KKTP akan terus mengambil langkah proaktif dalam menterjemahkan dasar-dasar strategik yang terkandung di dalam Pelan Struktur Sabah 2033. Ini dilakukan melalui penyediaan Pelan Daerah dan Pelan-Pelan Tempatan yang merangkumi pengezonan kawasan mengikut kesesuaian cadangan gunatanah; pematuhan piawaian; dan garis panduan pembangunan sedia ada. Pelaksanaan pelan-pelan tempatan itu kelak akan dijadikan sebagai mekanisma kawalan pembangunan oleh PBT di seluruh Sabah.

127. Adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa langkah ini mampu memacu perancangan pembangunan secara holistik, sistematik dan teratur ke arah menjadikan Sabah sebagai tempat untuk hidup, bekerja, belajar, bermain, melawat serta menjadi destinasi pelaburan dan perniagaan. Bagi tahun 2019, sebanyak dua Pelan Tempatan telah disiapkan iaitu untuk Daerah Putatan dan juga Kundasang. Manakala bagi tahun 2020, Pelan Tempatan Semporna akan dibangunkan.

Datuk Speaker,

128. Kerajaan Negeri juga amat prihatin ke atas isu “*over hang property*” dan lambakan hartanah bernilai tinggi di bandar-bandar yang belum terjual. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menurunkan nilai ambang (*threshold*) bagi pembelian rumah kediaman oleh orang asing di Sabah daripada **RM1.0 juta** pada ketika ini kepada **RM750 ribu**. Dasar ini hanya terpakai kepada rumah kediaman yang telah diberikan Sijil Layak Menduduki (OC) dan tidak terjual setelah dibina lebih

daripada 9 bulan. Dasar baharu ini akan berkuatkuasa bermula 01 Januari 2020.

PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Datuk Speaker,

129. Kerajaan Negeri menekankan pembangunan yang lebih seimbang antara wilayah, termasuk di antara kawasan bandar dan luar bandar. Ini penting di dalam memastikan kemakmuran negeri turut dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di kedua-dua kawasan tersebut. Seperti mana yang kita sedia maklum, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah banyak membuat dasar, strategi dan program bagi membangunkan kawasan luar bandar di Malaysia dan juga Sabah. Namun dasar, strategi dan program-program berkenaan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna di peringkat daerah ekoran ketiadaan pelan pembangunan yang holistik dan komprehensif sebagai garis panduan dalam merancang dan mengurus sumber-sumber yang ada secara efektif.

130. Justeru itu, Kerajaan Negeri telahpun memulakan usaha memastikan setiap daerah menyediakan **Pelan Pembangunan Daerah** yang akan diintegrasikan dengan Pelan Tempatan daerah berkenaan. Pelan tersebut akan memaparkan aktiviti ekonomi dan sosial di peringkat daerah, di samping menjadi garis panduan untuk merancang, membangun dan mengurus daerah masing-masing. Ini penting dalam usaha mencapai matlamat meningkatkan kecekapan sistem perkhidmatan Kerajaan; menangani ketidakseimbangan pembangunan;

memastikan tiada daerah di Sabah terpinggir; dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan secara inklusif.

Datuk Speaker,

131. Bagi meningkatkan pembangunan dan taraf hidup penduduk di kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak **RM124.35 juta** kepada KPLB Sabah untuk tujuan mengurus dan pembangunan pada tahun 2020. Peruntukan tersebut akan digunakan antara lainya untuk membiayai pelaksanaan Program Ameniti dan Ekonomi Desa; Projek Pembangunan Kecil; dan Program Satu Daerah Satu Produk dengan peruntukan sebanyak **RM15.45 juta**.

132. Bagi membolehkan Ahli Dewan Undangan Negeri melaksanakan projek-projek kecil luar bandar dan memberi bantuan dalam aspek kebajikan kepada rakyat yang diwakili, Kerajaan Negeri menyediakan Peruntukan Khas ADUN sebanyak **RM78.22 juta** pada tahun 2020.

133. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Kerajaan Negeri akan menaikkan Peruntukan Khas ADUN Dipilih daripada hanya **RM1.0 juta** seorang ketika ini kepada **RM1.1 juta** pada tahun hadapan. Daripada jumlah tersebut, **RM800 ribu** adalah untuk projek pembangunan kecil dan **RM300 ribu** selebihnya disediakan bagi program Sentuhan Kasih atau *Touchpoints*. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju memberikan peruntukan *touchpoints sebanyak RM300 ribu* kepada setiap ADUN Dilantik, yang mana selama ini belum pernah diberikan sebarang peruntukan dalam membantu rakyat secara langsung di peringkat akar umbi.

Datuk Speaker,

134. Bagi meningkatkan dan memperkasa sokongan kepada masyarakat luar bandar, KPLB Sabah juga akan melaksanakan Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di kawasan-kawasan yang dikenalpasti pada tahun 2020.

135. Dalam pada itu, KKTP melalui agensinya LPPB turut menyumbang dalam membangunkan kawasan luar bandar melalui Program Pembangunan Pekan Baharu. Program ini akan membolehkan kerja-kerja penyediaan tapak bangunan, jalan masuk dan perparitan dilaksanakan, yang mana ini menjadi titik permulaan kepada peluang pembangunan ekonomi kepada masyarakat setempat. Pada tahun 2019, pihak LPPB telah dan sedang melaksanakan kerja-kerja pembangunan infrastruktur dan prasarana asas di **tujuh buah** pekan baharu. Misalnya, di Pulau Banggi, Kudat; Paitan, Beluran; Sukau, Kinabatangan; dan Sook, Keningau. Program ini akan diteruskan dengan pembangunan awal **dua lagi** pekan baharu pada tahun 2020 iaitu di Kalabakan, Tawau; dan Gum-Gum, Sandakan.

KESEJAHTERAAN HIDUP DAN KEBAJIKAN RAKYAT

Pembasmian Kemiskinan

Datuk Speaker,

136. Kerajaan Negeri bermatlamat untuk menurunkan kadar kemiskinan ke tahap yang rendah kurang daripada **1.0 peratus** pada tahun 2020.

Berdasarkan kepada daftar Sistem e-Kasih, setakat September 2019, jumlah keseluruhan Ketua Isi Rumah Miskin di Sabah adalah **78,140 orang**. Ini terdiri daripada kategori Miskin Tegar berjumlah **16,067 orang**; kategori Miskin, seramai **21,678 orang**; dan baki selebihnya berjumlah **40,395 orang** telahpun dikategorikan sebagai terkeluar dari kemiskinan.

137. Bagi meneruskan usaha membasmi kemiskinan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM19.0 juta** untuk program-program berkaitan di bawah KPLB Sabah pada tahun 2020. Peruntukan tersebut akan dibelanjakan antara lain untuk melaksanakan program-program penambahbaikan aktiviti ekonomi; pembinaan rumah untuk golongan termiskin, penyediaan kemudahan asas; dan peningkatan kapasiti modal insan kumpulan sasar di bawah projek Mini Estet Sejahtera dan Program Kampung Sejahtera. Untuk makluman, Program Kampung Sejahtera merupakan suatu pendekatan baharu yang akan dilaksanakan oleh kementerian tersebut untuk membangun dan memajukan perkampungan mundur di Sabah bermula tahun 2020.

Kesihatan dan Keluarga

Datuk Speaker,

138. Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat akan terus bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah untuk meningkatkan dan menambahbaik perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberikan kepada pelaksanaan program-program peningkatan kualiti kesihatan awam. Ini termasuklah juga usaha memastikan hospital di Sabah berupaya

memenuhi keperluan standard perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)*. Manakala, dari aspek penjagaan kesihatan, program kesedaran kesihatan dan peningkatan ilmu kepenggunaan akan dipergiatkan untuk mendidik dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam masyarakat.

139. Institusi keluarga adalah tonggak kepada pembangunan sosioekonomi sesebuah masyarakat. Justeru itu, Kerajaan akan terus menekankan agenda untuk membangun serta memantapkan institusi keluarga; dan mewujudkan yang masyarakat penyayang serta bersatu padu. Seajar dengan tema baharu kementerian ini iaitu “Keluarga Sihat, Rakyat Sejahtera”, maka Kerajaan akan merencanakan lagi penganjuran Program Kesihatan dan Kesejahteraan Keluarga. Program ini bertujuan untuk menggalakkan amalan kesihatan dalam keluarga ke arah membentuk masyarakat yang sejahtera. Kementerian ini diperuntukkan sebanyak **RM129.67 juta** untuk tujuan mengurus dan melaksanakan pelbagai program berkaitan kesihatan; pembangunan keluarga dan masyarakat pada tahun hadapan 2020.

Bantuan Kebajikan dan Subsidi

Datuk Speaker,

140. Kerajaan Negeri amat prihatin kepada penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Setakat September 2019, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM53.38 juta** untuk penyampaian bantuan kebajikan kepada Anak Yatim; Orang Kurang Upaya (OKU); Orang Tua; Pesakit Telantar; Ibu-ibu

Tunggal; dan bantuan khas kepada mangsa bencana. Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan-bantuan ini pada tahun hadapan dengan peruntukan yang lebih tinggi iaitu sebanyak **RM67.63 juta**.

141. Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan **RM12.6 juta** untuk menampung perbelanjaan bagi pemberian Bantuan Program Perkhidmatan Sosial iaitu Pakaian Seragam, Kasut dan Alat Tulis kepada **1,074** buah sekolah, yang mana ini telah memberikan faedah kepada **280,353 orang** murid. Bagi meringankan bebanan kewangan yang dihadapi oleh ibubapa untuk menghantar anak-anak ke sekolah khususnya dari kalangan keluarga berpendapatan rendah, maka program ini akan diteruskan pada tahun 2020 dengan peruntukan berjumlah **RM13.9 juta**, yang dijangka akan memberikan faedah kepada **282,830 orang** murid.

142. Bagi meningkatkan kebajikan petani atau pekebun kecil, penternak dan nelayan miskin, Kerajaan Negeri akan terus menyediakan pelbagai jenis bantuan dan insentif kepada kumpulan sasaran dalam tahun 2020. Antara lain program-program tersebut ialah:-

- Program-program yang bertujuan menjana dan meningkatkan pendapatan petani seperti Perladangan Kontrak dan pemprosesan pelbagai produk pertanian yang dilaksanakan oleh KPD dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM6.99 juta**;
- Program-program melibatkan bantuan penjana pendapatan kepada nelayan dan pengusaha perikanan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan dan Ko-Nelayan dengan peruntukan berjumlah **RM8.28 juta**;

- Bantuan penyeragaman harga-harga getah di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak **RM20.0 juta**. Bantuan ini dijangka akan memberi manfaat kepada sekitar **52,000 pekebun kecil getah** yang melibatkan **32,000 tan metrik** getah di seluruh Sabah;
- Subsidi pembelian susu untuk penternak lembu tenusu yang diperuntukkan sebanyak **RM15.13 juta** dan bakal memberi faedah kepada para penternak lembu tenusu yang aktif ketika ini; dan
- Subsidi pembajakan sawah dengan peruntukan sebanyak **RM16.5 juta**, yang mana dijangka akan memberi faedah kepada lebih kurang **30,000 pesawah** padi di seluruh Sabah.

Hal Ehwal dan Adat Anak Negeri

Datuk Speaker,

143. Satu daripada 10 Bidang Keberhasilan Negeri menekankan penjagaan kepada hak-hak Anak Negeri; pemeliharaan ke atas warisan; serta kepercayaan etnik dan bangsa di Sabah. Sehubungan itu, Kementerian Undang-Undang dan Hal-Ehwal Anak Negeri (KUHEAN) dan Jabatan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (JHEANS) telah diberikan fungsi dan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan dan hak-hak orang asal di negeri ini. Kementerian tersebut juga akan melaksanakan program-program berkaitan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan hidup Anak Negeri Sabah. Pada tahun 2020, Kementerian dan jabatan tersebut diperuntukkan sejumlah **RM47.06 juta** untuk perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM39.74**

juta akan digunakan untuk perbelanjaan institusi Ketua Daerah; Ketua Anak Negeri; Wakil Ketua Anak Negeri; Ketua Kampung; dan Ketua Masyarakat Cina.

Datuk Speaker,

144. Kerajaan sememangnya amat prihatin ke atas masyarakat Orang Asal di Sabah. Selaras dengan permintaan rakyat, Kerajaan Negeri dengan bantuan Kerajaan Persekutuan telah membangunkan institusi Anak Negeri di Sabah. Ini termasuk membina bangunan-bangunan untuk Mahkamah Anak Negeri (MAN) dan institusi latihan iaitu ILMAN. Dalam hubungan ini, institusi Anak Negeri tersebut akan memainkan peranan untuk memelihara adat resam dan budaya masyarakat Orang Asal di Sabah bagi memastikannya terus terpelihara demi kepentingan generasi akan datang.

145. Pada tahun hadapan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak **RM2.5 juta** untuk JHEANS meneruskan program-program yang dirancang. Peruntukan ini antara lainnya akan dibelanjakan untuk meneruskan pembinaan dua buah bangunan Mahkamah Anak Negeri iaitu di Tambunan dan Ranau. Setakat ini sebanyak lima (5) buah bangunan MAN yang baharu dan sebuah bangunan institut latihan telah dibina. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM1.0 juta** untuk tujuan penyelenggaraan bangunan-bangunan MAN tersebut pada tahun hadapan.

WANITA, BELIA DAN SUKAN

Datuk Speaker,

146. Kaum **wanita** memainkan peranan yang penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat yang sihat. Pada masa sama, kaum ini juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan negara. Dewasa ini ramai wanita yang memiliki ilmu dan mencapai kejayaan yang tinggi dalam pelbagai bidang. Malah, wanita zaman ini juga boleh mencurahkan tenaga dalam aspek keselamatan seperti dalam perkhidmatan polis; bomba; dan tentera dengan mempamerkan keupayaan yang setanding dengan kaum lelaki.

147. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri akan memberi perhatian serius kepada kebajikan kaum wanita serta memastikan golongan ini mendapat peluang dan faedah daripada pembangunan. Dengan hasrat ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM15.75 juta** untuk program pembangunan wanita di Sabah dalam tahun 2020. Ini termasuklah peruntukan di bawah YUM berjumlah **RM11.80 juta** melibatkan penyediaan kemudahan pinjaman mikro kepada golongan wanita untuk menjalankan perniagaan; dan sebanyak **RM3.95 juta** kepada Jabatan Hal-Ehwal Wanita (JHEWA) Sabah untuk tujuan melaksanakan berbagai program meliputi antara lainnya bidang-bidang ekonomi, sosial, undang-undang, kesihatan, gender dan media pada tahun 2020. Selain itu, Kementerian Kesihatan Dan Kesejahteraan Rakyat dan juga JHEWA sendiri akan meneruskan kursus-kursus kemahiran kepada ibu-ibu tunggal dan wanita miskin, terutama daripada luar bandar untuk memberi peluang kepada mereka untuk menjana pendapatan sendiri.

Datuk Speaker,

148. Golongan **belia** merupakan aset yang sangat penting kepada pembangunan negara dan negeri kita Sabah. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus memberi penekanan dan keutamaan kepada pembangunan belia di negeri ini selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Belia Sabah, 2016-2030. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM86.71 juta** kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS), untuk tujuan mengurus dan melaksanakan program-program pembangunan belia dan sukan di Sabah.

149. Selaras dengan intipati slogan '*Leader is Now*', Kerajaan Negeri melalui KBS akan menumpu kepada usaha untuk memupuk dan memperkasakan rasa cinta belia selaras dengan intipati slogan "Kesejahteraan Mampan Negeri Sabah, Tanah Airku Yang Tercinta". Dalam hubungan ini, peruntukan pembangunan untuk belia berjumlah **RM14.10 juta** pada tahun hadapan akan disasarkan kepada pengukuhan kewibawa belia di Sabah, yang meliputi aspek-aspek Pemerksaan Kesejahteraan Ekonomi Belia; Pemantapan Nilai-Nilai Positif; Keharmonian Kepimpinan; dan Kemenjadian Insan.

150. Dari aspek ekonomi, usaha-usaha akan dibuat untuk memperkasa dan meningkatkan penglibatan belia dalam sektor-sektor ekonomi berimpak tinggi seperti pertanian; pelancongan; digital; minyak dan gas; serta kebudayaan. Antara lain program yang akan dijalankan pada tahun hadapan ialah Program Keusahawanan Digital; Program Pemantapan Petani Belia; Program Negeriku Cantik; Program Pemantapan Kemahiran

Industri; dan Program Pembangunan Keusahawanan termasuk belia OKU.

151. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui kementerian yang sama akan menubuhkan pusat potensi belia iaitu *Sabah Youth Aspirations Centre (SYAC)*. Pusat ini kelak akan bekerjasama dengan belia di berbagai peringkat umur untuk melaksanakan program dan aktiviti-aktiviti pembangunan belia secara lebih kemas dan teratur. Antara lain program tersebut termasuklah Kreativiti dan Inovasi; Peningkatan Potensi Diri; Pembinaan Minda Kelas Pertama; Menangani Cabaran Industri 4.0; dan Aspirasi Keusahawanan Belia. Pada masa yang sama, *Sabah Youth Entrepreneurship Aspiration Programme (YEAP)* yang melibatkan Latihan dan Pengukuhan Kemahiran serta bantuan modal perniagaan akan dipergiatkan.

152. Selaras dengan penekanan Kerajaan Negeri kepada pembangunan modal insan, KBS juga akan terus menggiatkan usaha mengukuhkan kewibawaan belia melalui pelaksanaan program latihan berasaskan Modul Akademi Kepimpinan; *'Capacity Building'*; Pemantapan Nilai Positif; Sosialisasi Politik; dan Pendidikan. Keseluruhan kerangka pembangunan belia dalam tahun 2020 akan menggunakan pendekatan yang komprehensif dan inklusif. Ini bertujuan memastikan tiada belia yang terpinggir dan belia minoriti pula termasuklah Kumpulan Anak-Anak Muda Istimewa atau OKU turut diberikan perhatian serta keutamaan sewajarnya.

Datuk Speaker,

153. **Sukan** adalah penting di dalam mewujudkan masyarakat yang produktif dan bersatu padu, termasuk berupaya mengangkat imej negeri di persada dunia. Maka untuk itu, sejumlah **RM24.76 juta** diperuntukkan untuk program dan aktiviti pembangunan sukan di Sabah pada tahun 2020. Ini termasuklah juga pelaksanaan program-program pembangunan seperti Sukan Untuk Semua; Sukan Berprestasi Tinggi; dan Sukan PARA pada tahun yang sama.

154. Selaras dengan Visi Atlet Bertaraf Dunia, dan bagi menggalas sasaran pencapaian lima (5) teratas Sukan Malaysia, SUKMA, tumpuan akan diberi kepada pemantapan pembangunan atlet berprestasi tinggi. Ini akan meliputi antara lainya pelaksanaan program-program seperti pembangunan bakat; pemantapan pusat-pusat latihan; pembangunan pegawai sukan dan kejurulatihan; pembangunan dan naiktaraf prasarana sukan; serta sains dan teknologi dalam bidang sukan.

155. Kerajaan Negeri melalui KBS juga akan terus memberi galakan bagi memantapkan aktiviti Sukan Untuk Semua seperti Sukan Tradisi; Sukan Minoriti; Sukan Air; dan Sukan Udara. Di samping itu, program pembangunan sukan tahun 2020 akan melibatkan Pembangunan Sukan Digital (*E-Sports*), yang mana Sabah akan turut menyertai acara ini di SUKMA Johor 2020.

PEMBANGUNAN HIJAU DAN LESTARI

Datuk Speaker,

156. Pelan Struktur Negeri Sabah 2033 telah menggariskan empat matlamat strategik bagi merealisasikan visi dan objektif yang telah dirangka, dengan dua daripadanya menyentuh mengenai “**Inisiatif Hijau**” dan kelestarian. Matlamat pertama Pelan Struktur ini adalah untuk mewujudkan negeri yang mempunyai penduduk yang sihat dengan kualiti hidup yang tinggi. Manakala, matlamat kedua adalah untuk memelihara persekitaran semulajadi negeri dengan melindungi rangkaian kawasan perlindungan serta kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai “*High Conservation Value Environment*” (HCVE) dan “*Priority Conservation Area*” meliputi kawasan daratan, kepulauan dan perairan di Sabah.

157. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri adalah komited untuk mengutamakan penjagaan alam sekitar dalam melaksanakan pembangunan untuk manfaat rakyat. Perancangan bandar dan daerah dengan mengutamakan inisiatif hijau adalah penting bagi membolehkan pembangunan yang dilaksanakan tidak menjejaskan alam sekitar dan kualiti hidup penduduk setempat.

158. Oleh itu, sebagai permulaan KKTP telah diberi peruntukan **RM190 ribu** pada tahun 2020 bagi memperkenalkan inisiatif baru ini iaitu **Program “PBT Hijau”**. Inisiatif pembangunan hijau dan lestari ini adalah selaras dengan agenda merakyatkan *Sustainable Development Goals* (SDG’s) bagi menginstitusikan budaya serta amalan teknologi hijau dalam kehidupan seharian masyarakat di bandar dan luar bandar. Program ini

akan dilaksanakan secara bersepadu dengan sokongan teknikal daripada agensi-agensi di bawah KKTP iaitu Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah; dan LPPB. Pada masa ini, sebanyak dua PBT iaitu Majlis Daerah Tongod dan Majlis Daerah Nabawan telah terpilih untuk menjadi perintis kepada program “PBT Hijau” tersebut.

BANTUAN KEPADA AGENSI AWAM

Datuk Speaker,

159. Badan-badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri turut memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri dan pembangunan sosio-ekonomi rakyat. Oleh itu, bagi menyokong usaha-usaha agensi awam, Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan kewangan dalam bentuk geran dan Pinjaman Mudah kepada Badan-badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan Negeri. Bagi maksud tersebut, sejumlah **RM172.85 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2020 bagi membantu beberapa agensi awam negeri yang memerlukan. Namun begitu, semua agensi negeri adalah digesa untuk menilai kembali kekuatan dan kelemahan organisasi masing-masing. Ini kerana Kerajaan percaya bahawa melalui tadbir urus yang baik, agensi-agensi negeri mampu mengurangkan kebergantungan kepada kewangan kerajaan.

160. Kerajaan Negeri juga mengucapkan tahniah kepada agensi-agensi yang merekodkan keuntungan yang baik dan membayar dividen. Untuk makluman, Kerajaan Negeri dijangka akan menerima dividen berjumlah **RM94.78 juta** pada tahun 2019. Jumlah ini adalah lebih tinggi sebanyak

RM5.96 juta berbanding terimaan pada tahun 2018 sebanyak **RM88.82 juta**.

161. Saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan berbanyak terima kasih dan penghargaan kepada agensi-agensi yang telah dan akan membayar dividen tersebut pada tahun ini iaitu Perbadanan Pinjaman Sabah; Sawit Kinabalu Sdn. Bhd; Sabah Development Bank Berhad; Sabah Energy Corporation; Progressive Insurance Berhad; Warisan Harta Sabah Sdn. Bhd.; Desa Plus Sdn. Bhd.; Desa Lestari Sdn. Bhd. dan Borneo Development Corporation. Saya memperhatikan bahawa prestasi pembayaran dividen masih boleh dipertingkatkan lagi dan kesemua agensi awam negeri juga perlu memperkemaskan lagi operasi masing-masing. Adalah diharapkan para Ahli Lembaga Pengarah yang diberikan amanah untuk menerajui agensi-agensi Kerajaan dapat memainkan peranan dengan lebih efektif lagi di masa hadapan dengan penuh integriti.

162. Saya juga merasa gembira kerana terdapat beberapa agensi yang telah dan akan membayar balik pinjaman termasuk faedah kepada Kerajaan Negeri. Antaranya termasuklah Sabah Oil & Gas Development Corporation Sdn. Bhd. (SOGDC); LPPB; MUIS; Korporasi Sanya (KOSAN); Perbadanan Pinjaman Sabah (PPS); Sabah Fish Marketing Sdn. Bhd. (SAFMA); POIC Sdn. Bhd.; Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO); Sabah Air Aviation Sdn. Bhd; dan KKIP Sdn. Bhd. dengan jumlah keseluruhan **RM53.47 juta**.

PENJAWAT AWAM

Datuk Speaker,

163. Perkhidmatan awam memainkan peranan penting sebagai jentera kerajaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Justeru itu, pada tahun ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai latihan dalam dan luar negeri bagi meningkatkan keupayaan dan pendedahan penjawat awam dalam menjalankan tanggungjawab kepada rakyat. Inisiatif ini telah memberikan manfaat kepada pegawai awam melalui **Penganugerahan Biasiswa Pegawai Kerajaan Negeri Sabah** untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat Sarjana Muda; Sarjana; dan Kedoktoran (PhD) di dalam dan luar negara.

164. Setakat September 2019, seramai **33 orang** telah ditawarkan biasiswa ini. Di samping itu, pegawai kanan yang berprestasi tinggi ditawarkan program-program latihan di dalam dan luar negara bagi memantapkan kualiti kepimpinan serta meneroka peluang-peluang baharu untuk menjayakan aspirasi *Regeneration of Sabah Civil Service*. Inisiatif yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (JPAN) ini melibatkan **143 pegawai** Pengurusan Tertinggi, pegawai Pengurusan dan pegawai Profesional. Kursus-kursus yang ditawarkan melalui Latihan Dalam Perkhidmatan ini menumpu kepada kepimpinan berprestasi tinggi dan pengurusan perubahan di pusat-pusat pengajian tinggi terkemuka seperti *University of Oxford* dan *Cambridge University* di United Kingdom; dan negara-negara maju lain seperti Australia, Singapura, Amerika Syarikat dan Switzerland.

165. Kerajaan Negeri yakin penggalakan budaya pembelajaran secara berterusan dan pendedahan untuk menguasai kemahiran-kemahiran baharu ini mampu melonjakkan keupayaan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, program-program ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM8.45 juta**.

166. Kerajaan Negeri telah merancang dan bermatlamat untuk menawarkan **50 biasiswa** untuk pegawai-pegawai melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran di dalam dan luar negeri. Bagi peringkat sarjana muda, biasiswa akan ditawarkan mengikut keperluan dan kesesuaian program yang dipohon.

167. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha meningkatkan keupayaan penjawat awam melalui program-program latihan dalam dan luar negeri yang berfokus kepada pengetahuan dan kemahiran kritikal dalam agenda pembangunan negeri. Biasiswa Pegawai Kerajaan Negeri ditawarkan kepada pegawai-pegawai awam, khususnya kumpulan pegawai muda yang bakal mengambil alih kepimpinan perkhidmatan awam dalam **10 tahun** yang akan datang. Program-program latihan luar negeri ini yang bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran akan diteruskan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan universiti atau institusi yang terkemuka untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada penjawat awam supaya mampu menangani cabaran dan perubahan dalam era dunia global dan digital.

Datuk Speaker,

168. Seperti mana yang telah saya maklumkan sebelum ini, Kerajaan Negeri telah menarik balik dasar pembekuan pengisian jawatan untuk memudahkan pengisian jawatan baharu mulai bulan Mei 2019. Pelantikan baharu diadakan untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang kritikal dan memastikan agensi-agensi Kerajaan Negeri mempunyai sumber manusia yang mencukupi. Tumpuan pada tahun 2020 adalah untuk meningkatkan pengisian jawatan dalam Kumpulan Profesional dan Pengurusan supaya keupayaan dan kecekapan perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan lagi.

169. Di samping itu, pertukaran penjawat awam ke pelbagai agensi Kerajaan Negeri telah dilaksanakan untuk mengelakkan isu integriti dan bagi membolehkan pengkayaan tugas (*job enrichment*) dalam kalangan penjawat awam. Selain itu, untuk pembangunan kerjaya, Kerajaan Negeri juga mengadakan gerakan kenaikan pangkat untuk pegawai-pegawai yang layak dan berpotensi. Setakat bulan Oktober 2019 jumlah yang terlibat dengan kenaikan pangkat adalah seramai **729 orang**.

PENUTUP

Datuk Speaker,

170. Dengan itu, bolehlah dirumuskan bahawa Kerajaan Negeri hari ini telah berusaha sebaik mungkin untuk menunaikan janji manifesto yang merangkumi bidang-bidang yang luas tetapi menumpu kepada usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat di Sabah.

171. Seperti mana yang telah dijelaskan di awal pembentangan bajet ini, dalam tempoh yang singkat sahaja, Kerajaan Negeri telahpun membuat banyak perubahan dan penambahbaikan, termasuk kejayaan memperkenalkan berbagai pelan perancangan dan inisiatif-inisiatif baharu bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan yang holistic; terselaras (*well coordinated*); dan terancang. Kesemua ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian Kerajaan; mengukuhkan kedudukan kewangan negeri; menyelesaikan aduan dan rasa tidak puas hati yang sudah lama terbuku di hati rakyat; memastikan hak-hak rakyat Sabah di bawah MA63 diperjuangkan; mengagihkan kekayaan dan pendapatan negeri dengan saksama tanpa mengira bangsa dan agama; serta mempercepatkan pembangunan negeri ke arah mencapai status negeri maju berpendapatan tinggi secara lestari, berdaya saing dan berdaya tahan.

172. Kerajaan Negeri hari ini melaksanakan dasar untuk mempercepatkan kadar pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negeri. Usaha-usaha yang dilakukan terutama sekali melibatkan pembangunan infrastruktur fizikal dan kemudahan asas berkualiti seperti

rancangan untuk mengambil alih SESB; membangun sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkualiti, khususnya keretapi; dan membangunkan pelabuhan utama di Kudat sudah tentu memerlukan dana atau sumber kewangan yang besar.

173. Kerajaan Negeri melihat terdapat banyak keperluan kewangan dalam menjayakan hasrat dan matlamat dasar kita untuk melonjakkan pembangunan untuk faedah rakyat. Bagaimanapun, mengambilkira kepada unjuran kutipan hasil yang kurang memberangsangkan pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri telah merangka bajet untuk tahun 2020 secara berhati-hati dan akan terus menekankan dasar perbelanjaan berhemat dan mensifarkan pembaziran. Kerajaan juga telah menyusun keutamaan untuk memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang lebih penting dan kritikal. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan dan kutipan hasil, termasuk merundingkan dengan Kerajaan Persekutuan kadar-kadar pemberian yang merupakan hak Sabah, supaya kita mempunyai keupayaan kewangan yang lebih tinggi dalam merencanakan lagi pembangunan di Sabah di masa hadapan dalam tempoh yang tidak terlalu lama. In sha Allah.

174. Oleh yang demikian, saya dengan berlapang dada menangkis semua tohmahan ahli-ahli politik pembangkang yang mendakwa bahawa Kerajaan Negeri hari ini lemah dan gagal mentadbir negeri Sabah yang kita cintai ini dengan baik. Tidak kurang juga ditaburkan fitnah dan dakyah palsu untuk menjatuhkan kepercayaan rakyat kepada barisan kepimpinan negeri pada masa ini. Namun, pada hakikatnya tohmahan-tohmahan dan berita yang disebarikan adalah tidak benar. Segala kejayaan yang telah

dicapai pula tidak datang bergolek tanpa usaha yang bersungguh-sungguh di pihak Kerajaan dan pengorbanan oleh semua yang terlibat. Apa yang telah nyata mendatangkan kebaikan kepada rakyat tidaklah pula dapat diselindungi.

175. Kerajaan Negeri akur bahawa cabaran seumpama ini tidak dapat dielakkan kerana kita tidak dapat memuaskan hati semua orang. Sebaik manapun usaha dan pencapaian kita, tetap sahaja mendapat kritikan, khususnya daripada musuh-musuh politik dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagaimanapun, Kerajaan berharap dapat memperbaiki kestabilan politik dan mendapat sokongan padu daripada semua pihak bagi membolehkan tugas-tugas mentadbir dan membangunkan negeri dapat dilaksanakan tanpa banyak gangguan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah dan akan sentiasa menekankan politik yang bersih dan mendukung ideologi sederhana serta menolak fahaman yang ekstrem atau melampau. Kerajaan menyeru kepada semua pihak tanpa mengira fahaman politik dan latar belakang agama, bangsa agar sentiasa memelihara perpaduan, keamanan dan keharmonian kaum, supaya dengan ketenangan yang ada akan memberi ruang bagi kita untuk menumpu kepada usaha membangunkan rakyat dan negeri Sabah yang kita cintai ini.

Datuk Speaker,

176. Seperti mana yang telah dibentangkan, kebanyakan kementerian telah menyediakan berbagai pelan baharu bagi memastikan pelaksanaan program pembangunan secara terancang dan jelas dari segi arah tuju dan sasarannya. Pelaksanaan pelan-pelan tersebut secara berkesan

memerlukan jentera dan perkhidmatan awam yang efisien, produktif, amanah dan berintegriti serta memberi sokongan sepenuhnya kepada “*government of the day*” yang mengurus dan mentadbir negeri. Maka, adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan negeri secara berterusan, khususnya dalam menangani isu-isu kelewatan dan kelambatan dengan mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan.

177. Seperti mana yang sudah dijelaskan sebelum ini, Kerajaan Negeri telah merancang dan akan melaksanakan secara berterusan program-program untuk meningkatkan kecekapan, integriti dan mutu perkhidmatan awam negeri. Bagi membolehkan Sabah bergerak maju ke hadapan dengan lebih pantas lagi, Kerajaan Negeri memerlukan penjawat-penjawat awam yang mempunyai idea-idea baharu yang dicetuskan melalui penguasaan ilmu pengetahuan, teknologi dan kreativiti sejajar dengan perkembangan dunia semasa dalam era digital. Para penjawat awam tidak lagi boleh berpuas hati berada di takuk yang lama dan menjadi “*complacent*”, tetapi harus berusaha mengubah diri menjadi proaktif dan berinovatif demi mempersiapkan diri mengharungi pelbagai cabaran dunia moden yang berbagai dan tuntutan rakyat yang semakin bertambah serta kompleks.

178. Dalam usaha untuk memenuhi ekspektasi rakyat, sektor swasta dan para pelabur, Kerajaan menyeru semua kementerian, jabatan dan agensi meneliti semua proses kerja dan prosedur-prosedur lama yang dihambat oleh karenah birokrasi supaya dikaji dengan teliti bagi maksud menambahbaik serta menghasilkan pendekatan dan prosedur operasi standard (SOP) baharu yang lebih baik dan berkesan. Malah di mana

yang sesuai, sesuatu perkhidmatan awam yang semakin efisien dalam membantu pemain-pemain industri meningkatkan perniagaan dan perusahaan mereka, boleh pula dijadikan sumber baharu kepada kutipan hasil Kerajaan Negeri.

Datuk Speaker,

179. Sebenarnya, Kerajaan Negeri hari ini amat prihatin dan menghargai segala sumbangan Ketua-Ketua Jabatan dan para pegawai serta kakitangan yang bertungkus-lumus melaksanakan berbagai perancangan dan program pembangunan yang dirangka oleh Kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan untuk menaikkan gred jawatan Ketua-Ketua Jabatan secara berperingkat mulai pada pertengahan tahun 2020 tertakluk kepada kemampuan kewangan negeri.

180. Saya juga ingin mengumumkan bahawa selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dalam Bajet Negara 2020, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberikan bantuan khas sebanyak **RM500.00** kepada semua penjawat awam negeri yang akan dibayar sekaligus dengan gaji bulan Januari tahun 2020. Saya juga berharap agar insentif-insentif ini akan memberi suntikan semangat kepada Ketua-Ketua Jabatan dan para penjawat awam negeri untuk berusaha lebih gigih lagi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

181. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Bajet Negeri Tahun 2020 ini yang bertujuan merancang pembangunan untuk kesejahteraan rakyat akan beroleh keberkatan dan limpah kerahmatan-Nya. Di samping itu juga, mudah-mudahan kita dikurniakan kebijaksanaan dan tekad yang tinggi dalam memastikan program yang dirancang dapat dilaksanakan secara berkesan supaya manfaat bajet ini akan benar-benar sampai kepada golongan sasaran dan rakyat Sabah pada keseluruhannya.

182. Saya juga mengajak semua pihak untuk bersatu hati, bekerjasama dan berganding bahu dalam merealisasikan matlamat dan sasaran perancangan yang telah dibuat untuk tahun hadapan melalui Bajet Negeri Tahun 2020 ini.

183. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Hari Krismas 2019 kepada semua ADUN, penjawat awam dan rakyat Sabah yang beragama Kristian, dan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2020 kepada kita semua.

Datuk Speaker,

Saya mohon mencadang.